

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT BAGI PENGGAL  
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

**SELASA, 16 MAC 2010**

**BIL. 9 TAHUN 12**

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,  
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,  
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,  
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.  
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,  
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.  
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan  
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.  
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai  
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.  
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa  
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.  
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.  
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.  
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.  
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.  
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan  
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,  
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.  
Encik M. Asojan a/l Muniyandy  
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.  
Encik Hoo Seong Chang, PIS.  
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.  
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday  
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.  
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.  
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.  
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., PIS., AMN.  
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP  
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.  
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.  
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.  
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.  
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.  
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.  
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,  
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.  
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.  
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,  
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,  
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.  
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.  
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.  
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.  
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.  
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.  
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.  
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,  
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,  
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.  
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,  
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.  
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,  
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'afar bin Hashim, PPN.  
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.  
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,  
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,  
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,  
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,  
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,  
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,  
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,  
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,  
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,  
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA**

(Jurutulis baca doa)

**Jurutulis : PERMASHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera Ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli Yang Berhormat, sebelum kita mulakan Persidangan, marilah kita berdiri sebagai menghormati Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail yang telah mangkat pada hari Jumaat, 22 Januari 2010. Dan, bagi kaum Muslimin dan Muslimat marilah kita sama-sama kita membacakan al-Fatihah untuk dihadiahkan kepada roh Almarhum, al-Fatihah. Semoga Allah SWT taala mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan himpunkan bersama-sama dalam roh orang yang soleh.

Dewan juga merafakkan sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah dimasyhurkan sebagai Sultan Johor ke-5, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri dan jajahan Johor Darul Ta'zim. Bahawa adalah patik dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian berikrar menyembahkan taat setia dan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, ampun Tuanku.

Dan, juga Dewan ambil kesempatanlah ucap tahniah kepada pemain badminton kita, Datuk Lee Chong Wei, yang menjuarai sempena 100 tahun dan dengan All England.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 2 hingga 13 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14, 15 dan 16 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 17, 18 dan 19 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2010.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2010.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Ja'ffar bin Hashim, jemput.

**Y.B. Encik Ja'ffar bin Hashim (Senggarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah langkah yang diambil oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor di dalam meningkatkan prestasi pasukan Bola Sepak Johor?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor sedang menyusun program yang bersepadu bagi meningkatkan prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Johor. Sejak 10 tahun yang lalu, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor tidak mempunyai sebarang program pembangunan bagi melahirkan pemain dan juga jurulatih yang berwibawa. Pembentukan pasukan adalah sekadar berasaskan kepada pencarian pemain, di mana setiap musim akan berlaku tawar-menawar dan perpindahan pemain dari satu pasukan kepada satu pasukan yang lain berasaskan kepada prestasi mereka pada musim yang sebelumnya.

Oleh yang demikian, persatuan ataupun kelab yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh akan mampu mendapatkan pemain yang senior dan berkaliber dengan menawarkan gaji yang tinggi dan begitulah juga sebaliknya. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor telah merancang akan mengadakan Liga Johor yang bermula dengan musim 2010 – 2011 yang dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2010. Liga Johor ini akan merebut 3 piala utama iaitu

1. Piala Sultan, yang merupakan Liga Pasukan Senior antara daerah,
2. Piala Tunku Mahkota Johor, Liga bawah 19 tahun antara daerah,
3. Piala Menteri Besar Johor. Liga kelab-kelab antara Daerah yang mana telah bermula pada musim 2009 dan dijalankan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor.

Selain daripada itu, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor akan membantu Persatuan-Persatuan Bola Sepak Daerah bagi mengadakan liga-liga di peringkat daerah khususnya kepada daerah-daerah yang selama ini tidak dapat mengadakannya. Liga daerah ini akan diselaraskan dengan Liga Johor supaya tidak bertindih antara satu sama lain, bagi memastikan semua pemain yang bermain di semua peringkat akan berpeluang untuk bermain mengikut jadual yang disediakan. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor mensasarkan setiap liga daerah sekurang-kurangnya akan disertai oleh 16 kelab. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor berharap penyusunan semula liga Johor dan liga daerah ini akan memberikan ruang yang seluas-luasnya kepada pemain dan peminat bola sepak di seluruh pelosok Negeri Johor untuk menampilkan bakat-bakat mereka. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor juga akan terus menggalakkan dan memudahkan penubuhan-penubuhan kelab-kelab bola sepak di daerah-daerah di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor juga akan mengadakan program pembangunan jurulatih dengan mengadakan kursus-kursus kejurulatihan sepanjang tahun. Kursus ini akan diadakan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor yang meletakkan sasaran setiap daerah akan mempunyai sekurang-kurangnya 20 orang jurulatih berkelayakan sama ada dalam kelas A, B ataupun kelas C. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor juga bercita-cita untuk mencetuskan dengan izin, *Johor Football Philosophy* iaitu bermain bola sepak mengikut cara Johor yang berasaskan kepada keadaan cuaca, saiz tubuh pemain dan juga kecekapan pemain. Untuk tujuan ini Persatuan Bola Sepak Negeri Johor telah mengenal pasti beberapa orang tokoh bola sepak tempatan khususnya anak-anak Johor serta tokoh bola sepak luar negara untuk mengadakan kajian bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, faktor utama yang akan menentukan kejayaan perancangan yang dinyatakan di atas adalah kedudukan kewangan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor itu sendiri. Pada masa ini, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor juga sedang merancang pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi memperkukuhkan kedudukan kewangannya. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor yakin sekiranya perancangan ini berjalan lancar, Negeri Johor akan muncul semula sebagai suatu kuasa bola sepak di rantau ini selepas tahun 2013. Oleh yang demikian, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor menyeru semua pihak yang berminat dengan pasukan bola sepak ini, khususnya anak-anak Johor supaya dapat bersama-sama memberikan sokongan dan bantuan bagi merealisasikan impian ini.

Baru-baru ini, pada hari Sabtu yang lepas kita telah mendapat kemenangan sulung kita mengalahkan pasukan daripada Kuala Lumpur Plus FC dan kita akan berdepan dengan pasukan Negeri Sembilan pada malam ini di Stadium Larkin. Sebagai tanda sokongan kepada semua pihak khususnya Ahli Yang Berhormat, saya berharap dapat sama-sama memberikan sokongan pada malam ini, Johor akan bertemu Negeri Sembilan, jam 8:45 malam di Stadium Larkin Johor Bahru.



**Y.B. Dato' Speaker** : Ada harapan menang? Ha, Senggarang.

**Y.B. Encik Ja'ffar bin Hashim (Senggarang)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan dan juga rancangan yang begitu agresif dari segi meningkatkan pasukan bola sepak di Negeri Johor ini. Cuma, apa yang saya kenal pasti bahawa bola sepak masih lagi menjadikan sukan ini sukan nombor satu negara dan menjadi peminat kepada anak-anak muda remaja, sebab di peringkat DUN Senggarang juga kita telah mengadakan liga DUN Senggarang. Cuma, apa yang saya nak tanya bagaimanakah cara pemilihan pemain? Adakah pemilihan pemain ini dibuat hanya pemain-pemain yang berada di depan mata jurulatih ataupun pemain itu akan dipilih ataupun dibuat di peringkat akar umbi, maknanya dipilih di peringkat daerah dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan** : Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa pemilihan pemain dalam pasukan yang sedia ada sekarang adalah dilakukan dalam keadaan yang begitu singkat dan tergesa-gesa ekoran daripada peletakan kepimpinan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor pada hujung tahun lepas. Jadi, memang tak sempat untuk kita dapatkan pemain-pemain daripada akar umbi dan dalam masa yang sama juga pada masa itu, liga Piala Menteri Besar belum dapat dijalankan. Tapi untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang bercita-cita, kita nak dapatkan pemain daripada akar umbi dan daripada liga Piala Menteri Besar yang lepas, pengurusan pasukan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini telah mengambil atau memilih tiga orang daripada pasukan Dobi FC daripada Sungai Dobi Batu Pahat, walaupun daripada kampung, tapi ada potensi untuk diketengahkan. Hari ini kita telah masukkan dalam kumpulan untuk berlatih bersama-sama dengan pemain liga super ini dan kalau prestasi ini menggalakkan, kita akan masukkan dalam pendaftaran semula yang akan diadakan pada bulan Mei. Jadi, maknanya kita memang sentiasa membuka ruang kepada pemain-pemain di seluruh Negeri Johor ini untuk menyumbang dalam kejayaan bola sepak Johor.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ha, Kempas, oklah. Slow-slow ya.

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, patut soalan ni letak kat nombor 106, bukanlah kerana saya nak *backing* ADUN Nusajaya, sebab dia ni pengurus, tapi saya rasa soalan ini tak sesuai jugalah untuk kita bincangkan sebab banyak benda-benda lain yang perlu kita...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak soal ke?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Walau macam mana pun saya rasa, saya tertarik dengan soalan ini, kerana kemerosotan sesuatu sukan itu juga boleh menjejaskan imej negeri. Kalau kita lihat pada hari ini negeri kita tidak ada satu jenis sukan pun yang kita boleh megahkan. Kita mengharapkan kepada bola sepak, bola sepak hancur lebur. Kita tukar pengurusan pun begitu

juga, saya rasa lebih teruk lagi. (Dewan ketawa) Kalau nak dikatakan kerana sumber kewangan dan juga segala fasilitasnya kurang, saya ambil contoh Persatuan Bola Sepak kat Afrika sana tak ada duit, main bola sepak pun kat padang tanah merah tapi boleh menang, handal, boleh mewakili juga ke peringkat dunia.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ni salah sapa ni, salah siapa?

**Y.B. Datuk Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Ha, ini saya nak cakap sikit.

**Y.B. Dato' Speaker** : Cakap pendek Yang Berhormat tanya soalan itu, ini bukan ucapan biasa eh.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Saya nak cakap, nak tanya. Baru-baru ini saya ucapkan tahniahlah, menang satu, itu pun kerana berlawanan dengan macam satu pasukan daripada estet Masai sana (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak baik cakap tu, teruk dia tau, ni pengurus dia baik.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Main lapan kali, seri sekali, menang sekali. Kalau nak katakan lebih apa, awal lagi, banyak, saya rasa kalau kasi ada 30 kali lagi pun, lagi malu kita.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok,

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Baru-baru ini tindakan pertama diambil oleh Persatuan Bola Sepak merehatkan dia punya jurulatih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, Yang Berhormat ni soalan dia ni apa? Soalan-soalan.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Jadi, saya soalnya apakah tindakan Persatuan Bola Sepak kepada orang yang lebih bertanggungjawab, adakah mereka ini mempunyai idea, teknikal yang lebih mantap untuk melihat akan segala kekalahan-kekalahan, enam permainan yang lepas. Kalau mereka ini tidak memenuhi kriteria seperti ini rasa mereka juga harus bukan sahaja direhatkan, dibuang.

**Y.B. Dato' Speaker** : Siapa, pengurus?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas)** : Saya rasa pengurusnya ada kat dalam Dewan ini.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tidak, saya tak tanya nak buang ni, nak buat apa cakap dalam Dewan ni, cakap secara umumlah.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Kat luar saya dah cakap, kalau dekat Jepun, kalau dekat Eropah, dia tarik diri, dekat Jepun bunuh diri. Saya syorkan supaya dia juga tarik diri.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, oklah.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Saya rasa kalau dia tarik diri lebih mantap lagi permainan kita.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, ok, Yang Berhormat *slow* sikit Yang Berhormat eh, relax aje, ok, ok.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Em, jawab.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebenarnya nak memberikan pujian kepada Pengurus saya sebab dia berani mengambil satu percaturan yang amat besar risikonya dengan merehatkan jurulatih Nasir Yusof.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak pelah sebut jurulatih sahaja tak payah sebut namalah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Kerana daripada lebih kurang 2 bulan bila kita kalah tanpa ada kemenangan cuma ada seri sekali, kita dapati bahawa jurulatih yang pada masa itu tidak ada perancangan yang jelas dan setiap kali lepas perlawanan tidak ada *post mortem* dan yang sangat mengejutkan kita hubungan dia dengan pemain juga tidak begitu rapat sehingga pemain tidak dapat bekerjasama dengan jurulatih. So, ini adalah percaturan yang amat besar risiko dia dan akhirnya kalau kita lihat keputusan ini dengan kita merehatkan jurulatih tersebut, melantik jurulatih yang sedia ada ini kita telah dapat kemenangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kemerosotan ataupun kualiti bola sepak di negara kita ini. Ni bukan hanya di Negeri Johor saja adalah disebabkan oleh kerana pemain bola sepak ini tidak bermain bola sepak dengan *philosophy* dia, falsafah dia. Kalau kita lihat di *Inggeris Premier League*, dengan izin mereka bermain bola sepak dengan cara dia, laju dan sebagainya. Kalau kita lihat *Spanish Football* di Sepanyol mereka bermain oleh kerana badan mereka saiz dia agak lebih kecil daripada Eropah, Negara Eropah yang lain mereka bermain dengan *skill*, dengan kecekapan mempassing bola dan sebagainya. Kita tengok Brazil dia ada cara samba dia. Sebab itu saya katakan tadi kita di Negeri Johor sedang mengumpulkan tokoh-tokoh bola sepak ini untuk mencari satu formula supaya pemain-pemain Johor ini, peminat-peminat bola sepak Johor ini boleh bermain dengan cara dia sendiri.

Dan, kalau rancangan ini berjaya, saya yakin kita dapat, kalau kita dapat lahirkan cara falsafah bola sepak Johor ni dengan cara pemain sendiri kita akan

dapat kejayaan. Satu lagi bila tidak ada falsafah cara permainan 11 orang yang masuk dalam padang tu, mereka akan bermain dengan 11 cara apatah lagi kalau kita mengambil pemain-pemain daripada negeri lain yang pernah dilatih oleh jurulatih yang berbeza-beza. Sebab itu dalam padang mereka tak dapat bermain dengan begitu berkesan. Malah kalau kita lihat juara yang lepas Negeri Sembilan dan juga naib juara Kelantan, saya katakan tadi pemilihan pemain berasaskan kepada pencarian pemain dengan mana kelab yang banyak duit, negeri yang banyak duit, dia boleh cari pemain yang hebat sehingga boleh bayar gaji yang besar. Tetapi bila tak dapat bermain walaupun dia ada *skill* tetapi 11 pemain ni tidak bermain dengan cara yang sama sebab itu pasukan Kelantan dan Negeri Sembilan pun kalah juga. Hari ni duduk nombor bawah, Kelantan nombor 4, Negeri Sembilan nombor 5 walaupun mereka juara. Jadi inilah hasrat kita untuk melahirkan satu *Johor Football Philosophy* dengan izin.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian (Nusajaya) :** Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya nombor 2.

Kerajaan telah melancarkan Penubuhan Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) di setiap DUN. Bagaimanakah pencapaian KOBERA dan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh kerajaan?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumsalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman di Dewan yang mulia ini pada 20 Julai 2008, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan secara rasminya penubuhan KOBERA ataupun Koperasi Bela Rakyat. Dan, penubuhan KOBERA ini telah pun mendapat kelulusan Kabinet pada 5 Disember 2008. Setakat ini jumlah KOBERA yang berdaftar di Negeri Johor ialah sebanyak 17 buah iaitu sehingga 8 Mac 2010. Dan, jumlah KOBERA yang masih dalam proses penubuhan ialah sebanyak 22 buah. Bantuan sejumlah RM30,000.00 diberikan kepada setiap KOBERA yang perlu dipohon secara rasmi sebaik sahaja KOBERA berkenaan didaftarkan. Dan, pihak SKM juga menyediakan pinjaman tanpa cagaran berjumlah RM50,000.00 yang akan diberikan kepada KOBERA yang mempunyai projek yang berdaya maju.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Ali, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengemukakan soalan, izinkan saya mengalu-alukan kunjungan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Eh, apa lak Yang Berhormat pulak ini soalan...

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning)** : Ahli Lembaga Hospital Pakar Muar yang diketuai oleh...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, itu saya sebut.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning)** : Dr. Ahmad Fauzi bin Abu ke Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3 dan nombor 4. Terima kasih.

Berapakah jumlah Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Rendah Bersepadu di Negeri Johor?

Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan menyerahkan sekolah-sekolah Agama tersebut kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Program SBKT (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)?

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh, jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5.

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk menyerahkan semua sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat dan apakah kebaikan dan tidak baiknya jika ini dilakukan, implikasi terutamanya dari segi perundangan, kewangan dan pengurusan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Bukit Naning dan Jorak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor tidak bercadang untuk menyerahkan Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Bersepadu di Negeri Johor kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan. Tetapi sebaliknya hanya bersetuju untuk mendaftarkannya sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan atau ringkasnya SABK, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jumlah Sekolah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu di Negeri Johor yang terlibat dengan pendaftaran SABK ini adalah sebanyak 27 buah yang terdiri daripada 2 buah Sekolah

Menengah Agama Kerajaan Negeri, 17 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan 8 buah Sekolah Rendah Agama Bersepadu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebaikan dan implikasi pendaftaran sekolah-sekolah tersebut sebagai SABK adalah seperti berikut:

- i. Pemilikan tanah dan bangunan sekolah adalah tetap, kekal kepada Kerajaan Negeri.
- ii. Pendaftaran ini mengambil kuasa daripada Akta Pelajaran 550 Tahun 1996 yang akan menaungi sekolah-sekolah ini selepas pendaftaran kelak.
- iii. Bantuan kewangan seperti bantuan per kapita mata pelajaran, subsidi makanan pelajar akan disalurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini sekaligus dapat mengurangkan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pengurusan sekolah-sekolah terbabit.
- iv. Dari segi pengurusan dan termasuklah pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia akan:
  1. Membekalkan guru-guru akademik yang terlatih.
  2. Menghantar guru yang berkelayakan untuk mengurus pentadbiran sekolah mengikut kesesuaian dan keperluan.
  3. Membekalkan kakitangan sokongan seperti pembantu tadbir, pembantu am pejabat dan sebagainya.
  4. Memberikan perjawatan tetap kepada guru yang berkelayakan.
  5. Memberi latihan perkhidmatan bagi melengkapkan kelayakan guru bagi tujuan pelantikan ke jawatan tetap.
  6. Memberikan pelbagai latihan dalam perkhidmatan untuk meningkatkan prestasi kerjaya mereka sebagai seorang guru yang berkebolehan.
  7. Memberikan peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan.
  8. Mempertingkatkan kemudahan dan prasarana sekolah termasuk menyediakan perabot, alatan pelajaran, alatan sukan dan sebagainya.

Dan, seterusnya meletakkan sekolah ini dalam kawalan dan pemantauan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di samping kawalan dan pemantauan pihak Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan pendaftaran ini juga membolehkan guru-guru dan kakitangan yang telah didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran untuk menikmati pelbagai kemudahan sama seperti yang kerajaan sediakan bagi kakitangan-kakitangan lain. Kesimpulannya, pendaftaran sekolah-sekolah agama ini sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi dan kemajuan sekolah dalam aspek pentadbiran, pengurusan dan akademik di samping memberi kebajikan kepada guru dan kakitangan sekolah yang sekaligus akan memberi kesan positif kepada pelajar, masyarakat dan negara. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya, Bukit Naning.

**Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan, berapa ramai guru-guru dan murid-murid yang terlibat dalam pendaftaran sekolah yang disebutkan dan bagaimana status kedudukan peralihan pentadbiran yang saya bangkitkan dalam soalan nombor 4? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Naning atas soalan tambahan itu. Yang Berhormat Dato' Speaker ,untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah kakitangan yang terdiri dari guru, pelajar dan kakitangan sokongan yang terlibat dalam proses pendaftaran sekolah-sekolah tersebut dengan Kementerian Pelajaran Malaysia ialah seramai 6,969 orang yang terdiri daripada 750 orang guru, 6,174 pelajar dan kakitangan sokongan seramai 45 orang. Kakitangan sokongan ini termasuklah kerani dan pembantu makmal. Bagi menjawab soalan yang ke 2 dari Ahli Yang Berhormat dari kawasan yang sama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala urusan tentang proses pendaftaran sekolah-sekolah ini dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun selesai dan kita hanya menunggu masa dan saat untuk mengadakan majlis menandatangani di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, oklah dah bangun.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat di Negeri Johor ni adalah satu-satunya negeri yang memulakan sekolah agama pada satu ketika dahulu, alhamdulillah pendekatan yang amat terpuji, tapi saya lihat perkembangan tentang pembelajaran anak-anak kita ke sekolah agama sekarang ini begitu menggalakkan sekali. Jadi saya nak tanya apakah tindakan jangka masa pendek berkemungkinan ada jangka masa panjang mungkin tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan terhadap kelas-kelas sekolah agama yang menumpang di sekolah-sekolah rendah

kebangsaan sedangkan sekolah rendah kebangsaan itu memerlukan, memerlukan untuk menggunakan sekolah rendah itu pada setiap masa.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ada lagi ke Yang Berhormat, menumpang sekolah kebangsaan?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Ada, saya ambil contoh di Sekolah Agama Taman Anggerik di tempat saya. Sedangkan sekolah itu dia nak adakan 2 sesi sekolah kebangsaan itu pagi dan petang tetapi sebelah petang dah digunakan oleh sekolah agama, jadi bermasalah di sini. Begitu juga badan pengurusan dengan PIBG bertelagah selalu. Juga terhadap kedapatan sekolah-sekolah agama yang dibuat di rumah-rumah kedai saya rasa tak sesuai dan perkara ini sudah berlaku begitu lama. Dan, seterusnya ialah tentang adanya sekolah agama, saya mengambil contoh di Sekolah Agama Taman Cempaka, 4,000 anak murid kat situ dah macam sardin. Jadi, apakah tindakan jangka masa pendek untuk menyelesaikan permasalahan yang wujud seperti ini dalam keadaan segera? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kempas namun demikian saya nak betul sedikit, dia ada lari sikit daripada topik ini kerana topik ini dia lebih membincangkan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yalah, sekolah agama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Tentang sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah-sekolah menengah agama negeri dan sekolah-sekolah SRAB yang akan kita daftarkan dengan, yang ini sekolah agama Kerajaan Negeri Johor. Namun demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersedia untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang perjalanan sekolah-sekolah agama kita yang tidak lama lagi hampir berusia 100 tahun, Alhamdulillah eh. Walaupun ada macam-macam cabaran, sekolah satu sesi dan sebagainya tapi nampaknya kita Negeri Johor ni masih tegak dengan sekolah-sekolah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri Johor sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif lagi konkrit untuk memperkukuhkan kedudukan sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri Johor di seluruh Negeri Johor. Pada masa ini lebih kurang 500 buah sekolah agama terdapat di seluruh Negeri Johor dan sebahagian besarnya lebih kurang 300 lebih sekolah agama ini telah pun mempunyai bangunan sendiri tinggal lebih kurang dalam 100, dekat 200 sahaja lagi yang masih saya akui sama ada menumpang di sekolah-sekolah kebangsaan, ada yang setengahnya pakai balai raya, ada yang guna rumah kedai. Memang kita akui ada setengah-setengah tempat tu ada 2-3 ribu muridnya agak sesak jugalah kita akui dan atas keprihatinan itulah kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sekarang ini telah mengambil langkah berani untuk memperkenalkan satu sistem pembinaan sekolah-sekolah agama sebanyak 120



buah satu sekolah secara serentak yang akan dibina dalam masa 2 tahun, 2 tahun. Dan pihak kerajaan secara prinsipnya sudah pun bersetuju untuk membina sekolah-sekolah ini adalah perancangan jangka panjang kita. Saya akui kalau kita selesai 121 ini yang memakan belanja lebih dari RM200 juta secara *deferred payment*, secara bayaran tertangguh dia buat dulu, kemudian kita bayar secara beransur-ansur walaupun kita habis 121 ni, tapi saya percaya oleh kerana permintaan untuk sekolah-sekolah agama Negeri Johor dari sehari-sehari makin meningkat maka sudah tentulah akan ada permintaan lagi pada masa akan datang. Jadi, kita tidak boleh selesaikan semua sekali dalam masa serentak hanya pada masa satu-satu masa saja 121, lepas tu mungkin ada lagi 30-40 dan sebagainya. Hah, itu kita serah pada orang akan datanglah.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, jangka panjang ialah, jangka pendek ialah kita akan teruskan kerjasama baik kita dengan pihak Kementerian Pelajaran khususnya Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk mengguna pakai bangunan sekolah mereka yang ada sekarang ini yang telah kita gunakan sejak saya sekolah agama masa sekolah dulu sampai sekarang kita masih pakai tapi bilangan ini makin sehari makin susut makin berkurangan kerana kita membina sekolah-sekolah agama kita sendiri. Itu jangka pendeknya dan saya harap dengan apa tu dan dengan jangka panjangnya sebagaimana yang saya nyatakan tadi sebanyak 100 buah satu sekolah agama yang akan dibina dalam masa 2 tahun ini secara serentaklah tapi ikut fasa. Dia ada lima fasa setiap fasa ada 25 buah sekolah. Dan ini pun bukan kata kita suka ambil yang dulu tidak kita tengok mana yang, mana yang dari segi pandangan kita yang patut diutamakan terutama sekolah-sekolah yang sekarang ini agak sesak. Insha-Allah dalam masa 2 tahun ini sekolah 121 ini akan dapat selesaikan dari maklumat yang saya peroleh soal-soal seperti soal tapak tanah dan sebagainya 80% telah pun dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Nyatakan kes penyakit berjangkit yang berlaku di dalam Negeri Johor mengikut daerah dan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjamin kesihatan rakyat terpelihara.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamuallaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumsalam.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Yang Berhormat Dato' Speaker daripada 26 jenis penyakit berjangkit yang diwajibkan untuk notifikasikan, yang ditetapkan di

bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit 1988 Akta 342, hari ini saya bentangkan 10 penyakit berjangkit utama di Negeri Johor:

1. Demam Denggi. Demam denggi juaranya adalah Johor Bahru dengan angka...

**Y.B. Dato' Speaker :** Dia pun ada pertandingan ke?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Ya?

**Y.B. Dato' Speaker :** Juara ni ada pertandingan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Dia dapat nombor satu. Demam denggi Negeri Johor mencatatkan 2,321 orang, Johor Bahru 1,377 diikuti oleh Kulajaya, 176 kes. Nombor 3 adalah Kluang 157. Jadi, saya rasa saya bacakan yang *top*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha,yalah, yang *top ten*.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** *Top 5* lah insya-Allah.

2. Tuberculosis. Tuberculosis ni di Negeri Johor mencatatkan 1,746 orang yang dijangkiti dengan 16 kematian. Nombor 1 adalah di Johor Bahru juga 879 orang; nombor 2, adalah di Batu Pahat, 159 orang dan nombor 3, Kota Tinggi, 144 orang dengan 11 kematian. Bayangkan, di Ledang, 56 orang, 5 kematian.
3. Keracunan Makanan. Keracunan Makanan yang terjadi di Negeri Johor adalah seramai 1,085 orang yang nombor satunya adalah di Batu Pahat 182 orang yang terbabit.
4. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut seramai 1,077 orang, kanak-kanak yang kena yang *topnya* adalah di Kluang, 317 kes.
5. Penyakit HIV. HIV ni seluruh Johor pada tahun 2009, yang angka yang saya kasi tadi adalah pada 2009, seramai 342 orang dengan 19 kematian. Nombor satunya adalah di Johor Bahru juga, 136 orang tiada kematian tetapi yang terjadi kematian adalah di Batu Pahat seramai 4 orang, *sorry* di Batu Pahat, 32 orang yang mengidap penyakit HIV dengan 5 kematian; di Segamat, 27, 1 kematian; Ledang, 1 kematian; Muar juga 1 kematian; Kulajaya, 1 kematian.

6. Denggi Berdarah. Demam Denggi Berdarah seramai 207 kes tahun 2009, terdapat penurunan hanya 3 orang, 3 kes kematian kalau dibandingkan pada 2008, terdapat 14 kematian. Jadi, denggi berdarah yang berlaku di Negeri Johor dapat dikawal pada tahun 2009 ini.
7. Hepatitis C, seramai 121 orang.
8. Malaria, 108 orang di Johor Bahru, 51 kes.
9. Gonorrhoea, satu penyakit *sexually transmitted disease*.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sakit apa tu?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Penyakit berjangkit kelamin.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Jadi, *on the rise* lah kalau kita lihat Negeri Johor pada 2009 mencatatkan seramai 76 kes, Batu Pahat nombor 1 eh 19 kes. Eh, nombor 1 adalah Kluang 23 kes dan sebagainya.

10. Hepatitis B.

Langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit ini, kempen-kempen kesihatan dan hebahan maklumat kesihatan melalui media elektronik, media cetak, unit bergerak dan kerjasama daripada lain-lain pihak seperti sekolah bagi menangani keracunan makanan, badan-badan bukan kerajaan bagi mencegah penyakit HIV dan lain-lain diperlukan. Aktiviti *survelan* ke atas kejadian dan corak (*trend*) penyakit-penyakit berjangkit juga kita lakukan. Sebagai contoh kita buka bilik gerakan operasi krisis dan kesiapsiagaan yang terus dibuka setiap hari untuk memantau dan menyelaras aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan ke atas Pandemic Influenza H1N1 dan juga bilik gerakan denggi di Unit Penyakit Bawaan Vektor Negeri juga memantau situasi semasa. Kebersihan diri seperti mencuci tangan dan memakai topeng juga bagi Influenza H1N1 ini dan gotong royong bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes bagi menangani demam denggi. Jadi, langkah-langkah pencegahan yang berkesan juga bergantung kepada pengesanan awal kes dan rawatan segera seperti penyakit tibi supaya jangan jadi, mencegah kuman tibi daripada terus tersebar daripada masyarakat.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Soalan tambahan Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Bukit Batu dulu.

**Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasihlah kepada jawapan EXCO yang jawab tadi. Ada kenyataan yang menyatakan penyakit berjangkit ini adalah fenomena bio sosial hasil daripada globalisasi itu kan. Sebab itu saya nak tanya ni, saya juga ingin tahulah penyakit berjangkit yang melibatkan golongan remaja khususnya yang diterangkan sebagai STD atau *Sexuality Transmitted Disease* di Negeri Johor seperti gonorrhoea, sifilis yang disebabkan oleh kelakuan ataupun hubungan seks bebas tanpa perlindungan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Terima kasih Yang Berhormat tentang penyakit *Sexually Transmitted Disease* ni penyakit berjangkit seksual ni gonorrhoea dicatatkan sebagai 10 penyakit kawalan di Negeri Johor ni nombor 9 kerana peningkatan ini, walau bagaimanapun terdapat *under reporting*, saya rasa penyakit *Sexually Transmitted Disease* ni selalunya pihak swasta dan GP-GP ni enggan melaporkan pesakit yang mengidap penyakit gonorrhoea ni. Gonorrhoea ni disebabkan kuman *nerve-cell gonorrhoea* dan didapati muncul di Negeri Johor dengan jumlah yang tinggilah kalau 2008, 97 kes pada 2009 ni 76 kes. Dan, statistik menunjukkan daripada 94% kes adalah orang Melayu dan 6% adalah orang India. *Reporting* ini tidak GPs atau pihak swasta atau doktor-doktor ini tidak melaporkan patutnya wajib melaporkan kepada Jabatan Kesihatan kes-kes ni jadi kita tak dapat statistik tentang bangsa Cina. Dan, pada tahun yang sama, 93% kes gonorrhoea dikesan di kalangan laki-laki. Dan, 86% daripada keseluruhan kes ini adalah di kalangan mereka yang berumur 15 tahun hingga 29 tahun. Jadi, ini adalah berkait rapat dengan hubungan seksual yang tidak selamat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan iaitu saya dimaklumkan baru-baru ini pada minggu yang lalu ada kes H1N1 infeksi H1N1 dikenal pasti berlaku di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yong Peng adakah ini benar dan apakah tindakan telah diambil oleh Jabatan Kesihatan?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Terima kasih Yang Berhormat. Kes yang terpencil macam tu kita tak, ini adalah soalan 10 kes yang mudah berjangkitlah eh. H1N1 saya akan beritahu apakah itu kes H1N1 yang benarlh, setelah kajian diterima.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Machap.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa 108 kes demam malaria di Negeri Johor dan kawasannya hampir 50% adalah berpusat di Johor Bahru, di daerah Johor Bahru 59 kes. Jadi, suatu ketika dahulu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dah isytiharkan bahawa negara kita dah bebas daripada denggi dan

daripada malaria. Macam negara Cuba, dia dah mengisytiharkan bahawa dia dah bebas daripada malaria yang mana disebabkan oleh vaksin yang dia jumpa itu dah selesai dah. Jadi, daripada data Yang Berhormat nyatakan tadi, ini menunjukkan bahawa satu petanda yang kurang baik, yang mana malaria memang suatu ketika dulu orang takut datang ke negara kita kerana malaria. Mana-mana daripada barat datang negara kita dia sebut malaria dulu. Jadi saya ingin tahu, apakah punca-punca yang menyebabkan penyakit ini timbul semula? Adakah disebabkan oleh kelekaan kita ataupun mungkin pendatang daripada luar datang bawa penyakit itu datang? Jadi, sejauh mana usaha-usaha yang diadakan untuk nak tentukan supaya penyakit ini kita dapat hapuskan secara total? Terima kasih Dato' Speaker.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang malaria. Memang pada suatu ketika penyakit malaria ini telah menurun, tetapi mulai, rasa tahun 1999 dia sudah meningkat balik semula. Ini ada kaitan sebenarnya dengan pekerja-pekerja atau pendatang-pendatang asing kerana di Johor Bahru yang mencatat tertinggi kes, 51 kes dengan 1 kematian di Johor Baru; diikuti oleh Kota Tinggi, 31 kes; Kluang, 10 kes; yang lain, Ledang tak ada kes. Jadi, yang 51 kes ini yang di Johor Bahru, kita dapat kesan bahawa puncanya adalah pendatang daripada negeri lain yang membawa penyakit ini. Kematian juga kerana *malaria infection meningitis*, jadi meninggalnya. Jadi, dia penyebab penyakitnya adalah nyamuk tiruk.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nyamuk apa?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** *Anopheles*, nyamuk tiruk.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tiruk?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Cakap Melayulah, cakap ni, *Anopheles Mosquitoes*. Jadi, dia akan dengan jangkitanlah. Dan terdapat yang selalunya nyamuk tiruk ini suka air yang tak bersihlah. Macam *Aedes*, dia suka air yang bersih. Jadi, terdapat di kawasan bandar-bandar. Tapi, nyamuk tiruk ini, air yang tak mengalir, yang bertakung, yang kotor. Jadi, yang kes di Johor Bahru ini, adalah di perumahan di mana ditempatkan warga asing inilah, pekerja-pekerja asing dan jangkitan dia sangat cepatlah. Walau bagaimanapun, kita dapat kawal dan tidak merebak ke tempat-tempat lain. Jadi, justeru itulah mungkin di Kota Tinggi kerana banyak estet dan pendatang luar negeri pun banyak, ramai, jadi itu mungkin punca peningkatan penyakit malaria di Negeri Johor ini. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oklah *last*. Yong Peng, eh, Parit Yaani. Sorry.

**Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan. Pada tahun 60-an, Kerajaan dah berjaya

menghapuskan penyakit Tisi, *Tuberculosis*, tetapi mulai pada tahun 90-an, penyakit ini aktif semula dan jangkitan semakin meningkat. Apakah punca yang sebenarnya? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Terima kasih, Yang Berhormat. Tentang *Tuberculosis*, tingkat kedua, ramainya penghidap *Tuberculosis* ini mula meningkat. Betul Yang Berhormat kata, pada tahun 60-an dia telah, kejadiannya menurun tetapi sejak tahun 1990-an itu, meningkat. Ini adalah kerana penyakit Tisi ini, peningkatan di Negeri Johor daripada 1,679 orang kes pada 2008 hingga 1,746 kes pada 2009 ini, peningkatan 4%, dan ini berlaku bukan sahaja di Negeri Johor dan Malaysia, malah di peringkat global, WHO juga telah menganggarkan 1/3 daripada penduduk dunia telah pun dijangkiti *Tuberculosis* ini. Jadi, apabila daya tahan mereka ini yang dijangkiti ini lemah, misalnya pesakit-pesakit HIV, imunitinya rendah pesakit HIV, pesakit-pesakit yang menghidap kencing manis dan pesakit-pesakit yang mengambil ubat-ubatan *Immunosuppressive*. Maknanya yang makan steroid jangka masa yang lama dan anti barah yang lama, jadi kuman-kuman Tisi ini yang mula-mula tak berapa aktif dengan keadaan seseorang individu yang lemah, dia akan meningkat dan dia akan *attack* lah. Angka ini adalah *multi-system* punya Tisi lah. Tapi, 90% yang meninggal itu adalah pesakit-pesakit yang menghidap Tisi Paru-paru seperti *HIV patients*. Jadi, untuk pengesanan awal itu, jadi siapa-siapa yang mempunyai batuk, batuk 3 minggu ke atas lebih daripada 3 minggu, silalah jumpa doktor kerana kita boleh buat *blood test* dan *chest x-tray* dan sebagainya untuk *diagnose* apakah diserang penyakit Tisi itu. Dan untuk rawatan pula, kita secara percuma kita sudah ada rawatan di klinik-klinik berdekatan termasuklah Klinik 1 Malaysia juga, memberi ubat. Ubat itu adalah streptomycin, *injection, injection* tiap hari sampai satu bulan. Lepas itu, ubat-ubat, makan ubat ini sampai dua bulan. Ubat-ubatnya adalah isoniazid, rifampicin dan pyrazinamide. Dan kalau ini, sekarang ini sistem sekarang ini pemberian ubat Tisi ini adalah *direct*. Jadi, *DOT System*. Maknanya dia *direct observation system*. Jadi, dia datang ke klinik, doktor akan kasi dia ubat depan doktor itu, sebab selalunya orang-orang pesakit ini dia enggan makan ubat. Jadi *compiler* tak betul. Jadi, penyakit itu tak baik. Jadi, itu yang kita hendakkan dan suntikan streptomycin kalau bagi orang-orang HIV yang punya Tisi ini, kita kasi ethambutol lah. Makanan makan ubatan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 7 dan 8.

Mengapakah pada musim perayaan Cina tahun ini pihak berkenaan mengadakan catuan air sedangkan bekalan air di Empangan Sembrong Barat masih boleh menampung 50 hingga 60 hari mengikut laporan surat khabar? Mengapa tidak dilakukan pada masa lebih awal atau selepas itu? Tidakkah pihak berkenaan sepatutnya mengeluarkan satu kenyataan di surat khabar dan meminta maaf kepada rakyat?

Adakah kerajaan bercadang mencari tapak empangan baru di sekitar kawasan empangan itu supaya kita dapat menambah kuantiti air untuk mengelakkan masalah kekurangan air di musim kemarau?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan bersekali. Isu berkenaan catuan air yang dilaksanakan pada musim sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, pihak SAJ terpaksa mencadangkan pembekalan air secara berjadual bagi daerah Kluang bermula 13 Februari lalu setelah mengambil kira beberapa faktor teknikal operasi pengeluaran bekalan air. Negara kita mengalami perubahan angin El Nino sejak bulan Jun tahun lalu dan sehingga kini Jabatan Meteorologi melaporkan kesan El Nino dijangka berlarutan sehingga April. Keadaan ini sekaligus disebabkan takungan air serta paras sungai yang membekalkan air mentah mengalami penurunan yang ketara serta memberi kesan kepada bekalan air terawat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 4 Februari, paras air di Sungai Sembrong berada di paras 0.5 meter dan Loji Air Sembrong Timur masih dapat beroperasi seperti biasa, iaitu 29 Mld. Sungai Sembrong turut mengalami kadar penurunan yang drastik. Laporan menunjukkan pada 8 Februari, paras air sungai merosot kepada 0.4 meter menyebabkan pengeluaran loji diturunkan kepada 22.03 Mld manakala 11 Februari, paras air merosot kepada 0.3 meter berbanding paras kritikal 0.5 meter. Ketika itu, pengeluaran Loji Sembrong Timur merosot kepada 19.02 Mld. Pada hari yang sama, pengurusan SAJ mengadakan perbincangan dan cadangan berkenaan status bekalan air di Kluang. Dalam perbincangan tersebut, SAJ turut merancang melaksanakan bekalan air berjadual bagi penduduk di Kluang selepas perayaan Tahun Baru Cina apabila menjangka paras air semakin merosot. Walau bagaimanapun, pada 12 Februari 2010, paras air sungai turun kepada 0.2 meter dengan pengeluaran 17.81 mld sahaja, sedangkan dalam keadaan normal permintaan penggunaan air bagi Loji Air Sembrong Timur adalah pada 29 mld. Paras air terus merosot kepada kurang daripada 0.1 meter selepas 13 Februari.

Dari segi teknikal, loji yang bermasalah adalah Loji Air Sembrong Timur yang mengambil air secara terus dari Sungai Sembrong. Memandangkan pembekalan dari Loji Air Sembrong Barat dengan pengeluaran normal pada kadar 55 mld dan Loji Sembrong Timur dengan pengeluaran normal pada kadar 29 mld, saling boleh membantu antara satu sama lain dalam keadaan mendesak, maka penyusunan semula sistem agihan dari Loji Air Sembrong Barat terpaksa dibuat bagi mengelakkan kawasan-kawasan pembekalan Loji Air Sembrong Timur terus terputus bekalan. Pengeluaran dari Loji Air Sembrong Barat ditingkatkan kepada 63 hingga 64 mld dalam masa itu untuk membantu Loji Air Sembrong Timur.

Mengikut *trend* semasa, mana-mana musim perayaan penggunaan air akan meningkat sehingga 300%. Tindakan pembekalan air secara berjadual ini terpaksa diumumkan pada 12 Februari agar pengguna sedar maklum dengan

keadaan bekalan air semasa, dan dilaksanakan memandangkan penyusutan aras Sungai Sembrong yang berlaku secara mendadak sehari sebelum Tahun Baru Cina. Keadaan dikhuatiri akan menjadi lebih teruk sekiranya tindakan segera tidak diambil dengan membiarkan kebanyakan kawasan perbekalan Loji Air Sembrong Timur terus terputus bekalan pada hari tersebut. Dengan langkah ini, bekalan air kepada kawasan-kawasan terlibat masih stabil walaupun mengalami masalah kemarau yang berpanjangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menangani masalah kekurangan air pada musim kemarau di daerah Kluang, beberapa cadangan projek meningkatkan sumber air mentah telah pun dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Ini termasuk projek meningkatkan kapasiti takungan Empangan Sembrong dan juga pembinaan empangan baru di Kahang. Paras simpanan air, *water conservation level*, dengan izin, Empangan Sembrong yang bertindak sebagai struktur tebatan banjir dan juga sumber air mentah ke daerah Kluang pada masa ini adalah setakat 8.5 meter yang menghasilkan kapasiti takungan sebanyak 18 juta meter padu, (MCM) dengan pelaksanaan cadangan projek berkenaan berkaitan, paras simpanan air akan dapat ditingkatkan sehingga 1 meter iaitu dari 8.5 meter kepada 9.5 meter yang secara tidak langsung akan menghasilkan jumlah takungan sehingga 25 MCM, tambahan 7 MCM pada masa akan datang. Projek secara amnya melibatkan pembinaan struktur tambahan alur limpah, (*secondary spillway*), dengan izin, dengan kos anggaran RM4 juta. Kerja-kerja pelaksanaan dijangka bermula pada awal tahun 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan pembinaan Empangan Kahang juga melibatkan anggaran kos RM85.5 juta. Sekiranya disiapkan kelak, dianya mampu menghasilkan tambahan sumber air mentah sehingga 19.4 MCM yang mampu menjana pengeluaran air mentah capacity yield pada kadar 134 juta liter sehari. Pelaksanaan kerja-kerja di tapak dijangka bermula pada tahun 2013. Bagi mengatasi masalah kekurangan air sungai pula, satu cadangan projek melibatkan pembinaan *Inflatable rubber dam* dengan izin, di muka sauk Loji Air Sembrong Timur telah turut dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia yang sama. Ianya melibatkan anggaran kos RM4 juta dengan cadangan mula kerja pada awal tahun 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara ini saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah setuju dan usaha untuk menjanah air hujan telah dibuat mulai daripada 12 Mac sehingga 14 Mac dengan prosiding yang telah dijalankan. Nampaknya berkesan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad telah pun hujan di kawasan sekitar Sembrong, Batu Pahat, Yong Peng, Kluang. Walaupun dia telah tambah sikit di Wadok, Sembrong Barat sahaja. Nampak kawasan kita tuju kepada Empangan Bekok, Empangan Sembrong Barat, kawasan tadahan Sembrong Timur dan juga kawasan Wadok Congok di Mersing, empat-empat kawasan. Nampak kita akan, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan lebih kurang RM500,000.00 untuk penjanahan hujan dan usaha ini telah dijalankan mulai 12 hingga satu bulan, 30 hari kita telah menempatkan kapal di Melaka untuk penjanahan hujan dan kita akan buat selama 15 hari dan 15 hari lagi untuk tunggu. Tengok masa bila ada, keluar ada



awan yang boleh ditembak dan kapal kita akan terbang kepada paras 4,000 sehingga 7,000 kaki atas untuk cari awan kumulus yang boleh ditembak dan nampaknya ini adalah untuk jangka pendek dan berkesan. Kita akan teruskan lagi usaha ini untuk menjanah hujan di kawasan berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, Mengkibol.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Terima kasih. Pada tahun 2005, kejadian bersama, kejadian sama catuan air juga berlaku semasa Perayaan Hari Raya Puasa ketika itu juga banyak masalah. Saya masih dapat baca surat khabar, ketika itu kerajaan ada memberitahu, mengumumkan bahawa mereka akan menyambung air daripada Empangan Machap, Bekok dan Kahang, tetapi projek ini sekarang kita tak tahu apa berlaku. Di sini saya juga nak cadangkan supaya tidak akan berlaku catuan air pada musim perayaan, mana-mana musim perayaan apa-apa bangsa pun, sebab tahulah, semua orang tahu, kena pakai air. Kenapa kita tidak boleh, lebih tangguh sedikit masa dua, tiga hari selepas itu baru kita catuan air atau sebelum itu kita mulakan, *that will be fair*, lebih baik untuk semua, supaya orang lain tidak bising. Maksudnya ini, cara kita memang ada, *something we have to consider*, kita kena fikir baik, cara kita mengadakan catuan itu, itu jadual tak betul, sudah salah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok.

**Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)** : Patutlah rakyat semua marah. Lain kali ada apa-apa harapan tidak akan berlaku. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, rancangan kita pada tahun 2005 masalah berlaku di Kluang, adalah kerana Empangan Sembrong Barat tidak dapat air dan bukan berlaku di Sembrong Timur, kawasan di Sembrong Timur yang air, ambil air daripada sungai secara terus. Ini ada beza sedikit, walaupun catuan dilakukan sama, masalah dia. Kita telah cadangkan untuk *Interbasin transfer*, tetapi dalam 2005 bukan sahaja Kluang yang berlaku masalah air, malangnya Batu Pahat lagi teruk. Batu Pahat yang memerlukan jumlah air untuk sehari 170mld juga habis terus tak ada air.

Jadi masalah kita buat kajian ketika itu, memang kita ada cadangan untuk *transfer water interbasin*, yang maksudnya daripada empangan ke satu empangan. Tetapi kajian telah dibuat, untuk kerana kedudukan satu tempat. Empangan Bekok adalah semata-mata untuk Daerah Batu Pahat, dan Kluang kita bergantung kepada Empangan Sembrong Barat dan juga sedikit air 29mld daripada sungai Sembrong Timur dan Kahang ada bagi kawasan Kahang dan persekitaran ada FELDA-FELDA Kahang Timur dan Kahang dan FELDA Kawasan Kahang dan Machap adalah untuk Simpang Rengam dan Benut dan Pontian sahaja, dan kita tak boleh. Dan, Wadok *tu* kapasiti kita nampaknya, tak cukup untuk *transfer*. Jadi, kita hanya jalankan apa yang kita cadangkan untuk *transfer* air daripada Empangan Bekok terus kepada Loji Yong Peng, Parit Raja

dan Seri Gading. Itu juga memakan belanja sebanyak RM130 juta dan perbelanjaan ini datang dari Kerajaan Negeri, kita tak dapat satu sen pun daripada Kerajaan Pusat. Jadi, itulah kita dapat pada masa ini, Batu Pahat dan satu daerah Batu Pahat masih boleh bertahan lagi. Kita masih ada air lagi, ini satu perkara yang kita telah buat.

Dan untuk Kluang, kita cadangkan untuk adakan satu tambahan bukan *transfer*, pasal kalau kita ambil air daripada Bekok nanti daerah Batu Pahat tak ada air pula, jadi kita tak boleh. Jadi kita cadangkan untuk adakan satu empangan baru di Kahang dan juga tambah kita tindakan lain, naikkan *conservation level* untuk Empangan Sembrong Barat supaya kita tambah lagi takungan air di Wadok itu. Dan oleh kerana lokasi Kluang, dia terpaksa ambil air daripada Empangan Sungai Batu Pahat dan kita cuba juga buat kajian, sama ada kita boleh ambil sumber air daripada Empangan Sungai Endau di sebelah sana. Ini masalah, *watershed* dia besar, kalau satu titik hujan itu, angin itu bertiup monsun timur, dia bertiup pergi sana, dia pergi sungai Endau, dia bertiup sini, masuk Empangan Bekok pula, jauh daripada Sembrong Barat. Jadi kita perlu, kita kajian perlu, buat satu empangan baru di Kahang untuk menyelesaikan masalah Kluang sekaligus. Hanya Kluang adakan dua empangan, jadi kita ada *back up* dengan izin, itu yang lebih, lebih tepat. Jadi itu, cara kita selepas kita buat kajian.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yong Peng.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Di samping langkah-langkah panjang yang diambil seperti cadangan membina Empangan Kahang, apakah langkah-langkah pendek sepertimana menanam jenis tanaman yang boleh menahan air. Itu penting, sebab ini boleh pastikan air tidak hilang dengan cepat. Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar** : Saya, setakat pengetahuan saya, saya tak tau ada pokok-pokok yang boleh tambah air. Kita hanya menyediakan kawasan tadahan air. Kita hanya *rehabilitate our watershed area*. *Watershed* ini maknanya besar. Jadi adalah perbezaan antara negara yang maju dan negara yang sedang membangun untuk menguruskan kawasan tadahan air dia. Kita mesti mengaku, kita perlu bagi *economic activity* dengan izin, untuk negara kita. Kita bukan macam negara yang maju tak payah, tak perlu ada pertanian, apa-apa *vegetation* dengan izin. Kita perlu, pasal kita negara yang sedang membangun, jadi kita perlu membangunkan kawasan kita. Jadi di Johor ini kita adalah kawasan tadahan air yang besar, 18 dekat 19,000kmsq dengan izin. Jadi kita tak boleh, katakan semua tak boleh pakai, langsung tak ada *human activity* dengan izin, tak ada *cultivation*, semata-mata untuk kawasan *catchman area* tak boleh, kita tak mampu, tidak mampu. Ini kerana kita perlu bangunkan ekonomi kita, anak kita perlu dapat kerja dan orang perlu buat pertanian untuk hidup, untuk setiap hari mereka, itu cara kita. Tetapi kita cuba, kita hanya merancang, tuhan yang tentukan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok Yang Berhormat, masa dah lebih sangat.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ke hadapan, Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat dah habis. Dah terlama.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Berkenaan dengan isu yang penting, Dato' Speaker. Minta satu soalan tambahan sahaja.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak ini semua penting. Dah habis masa Yang Berhormat, masa. Masa soalan lisan lebih daripada 40, 50...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Singkat sahaja Tuan Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak ada. Saya dah tak benarkan.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Saya cuma nak tunjukkan apa masalah di Kluang itu...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat,

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Merisaukan. Tuan Speaker, bukan sahaja melibatkan kawasan sekitar sahaja...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yelah, dia dah jelaskan.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Sebab Tuan Speaker, I bawa gambar juga. Air dicatukan, tapi tengok ini lori pakai ini Felda punya itu...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yelah Yang Berhormat,

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini minyak kelapa sawit.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tak bolehlah. Saya telah buat keputusan dah masa, diberi tempoh satu jam... sekarang dah lebih.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Yang Berhormat Mahkota, Yang Berhormat Paloh, Yang Berhormat air macam ini kekuningan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yelah saya tahu.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini macam air kencing orang Zimbabwe.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, tak-tak saya dah kata.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker** : Dah habis masa.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini berkenaan dengan kepentingan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat. Yang Berhormat ini kenapa terlampau degil sangat. Saya dah cakap, masa. Yang Berhormat, nak duduk ke tak duduk?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Yang Berhormat Paloh dan Mahkota, kalau belum mandi datang rumah saya. Saya bagi air percuma.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, saya beritahu. Yang Berhormat nak duduk atau tak nak duduk. Yang Berhormat, nak bercakap saya tak larang, tapi kalau dah habis masa satu jam, soalan mulut. Saya dah beri 1 jam 15 minit. Itu makna beri, kalau tahu tadi saya dah tak nak jawab, yang ini pun boleh. Tapi saya nak beri jawapan juga. Saya bukannya...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Speaker sengaja...

**Y.B. Dato' Speaker** : Dahlah Yang Berhormat, tak payah jawab. Ini saya cakap.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Tak nak bagi tanya soalan ini.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yelah bila dah habis soalan mulut, yang akan dijawab habislah masa dia. Makna beralih kepada agenda lain. Yang itu Yang Berhormat nak cakap, lain kalilah bila tiba masanya. Ini dah habis masa 15 minit daripada jadual asal. Dah Yang Berhormat, jemput.

**Jurutulis** : Soalan-soalan Bertulis. Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

## **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) (NO. 1) TAHUN 2010.**

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat belum, Yang Berhormat bentangkan. Saya ada menerima satu usul daripada Rundingan daripada ADUN daripada Skudai, pada pandangan saya, isu kekurangan bekalan air di daerah Kluang adalah masalah biasa yang dihadapi ketika musim kemarau yang berlaku di mana-mana tempat. Isu tersebut tidak begitu mendesak dan tidak melibatkan keseluruhan rakyat di negara atau negara dan telah ditangani dengan sebaik mungkin oleh pihak kerajaan melalui Syarikat Air Johor, soalan lisan. Maka dengan itu, saya tolak Rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker, atas kepentingan rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Saya terpaksa, saya terpaksa membuat bantahan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Itu yang Berhormat nak bantah-bantah, saya dah kata tolak.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini, masalah ini dibangkitkan oleh...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Laporan Ketua Audit.

**Y.B. Dato' Speaker** : Nanti, Yang Berhormat lawan kuasa saya ke?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker bukan pakar. Ini masalah...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, saya beri amaran tolong duduk. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat ini tak tahulah saya jumpa. Betul-betul degillah. Entah macam mana pun tak tahulah. Saya cakap terus teranglah, saya minta maaf. Saya banyak kali beri amaran, tapi yang lain semua baik. Yang Berhormat ini tak tahulah, tak tahulah macam manalah saya. Benda dah tak boleh, Speaker dah jawab. Tak ada *argue*. Nanti yang Berhormat jadi Speaker, Yang Berhormat macam saya jugalah.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker** : Eh, tengok?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Saya tahu Dato' Speaker sudah mandi tapi orang yang...

**Y.B. Dato' Speaker** : Saya minta anu. Yang Berhormat ni saya tahu, kalau saya buat apa-apa karang ah. Jemput Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010) (No.1) Tahun 2010 dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker** : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2010. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM4,259,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 3 jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM3,626,000.00.
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM394,000.00.
3. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM239,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju

jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan Tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

#### **JADUAL.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,387,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Pentadbiran Dewan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pentadbiran Dewan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM2,387,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran semakan ketentuan saraan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk Ex-Officio, Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Jurutulis, Penolong Jurutulis, Pelapor dan juga Petugas Dewan Negeri Johor.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM56,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan dan RM136,000.00 bagi maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan, peruntukan tambahan sebanyak RM56,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar di Nusajaya kepada anggota-anggota jabatan. Dan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan - Bahagian Perumahan Negeri Johor pula, peruntukan tambahan sebanyak RM136,000.00 adalah perlu untuk menampung pembayaran bantuan insentif yang sama kepada anggota-anggota yang berkenaan.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM301,000.00 bagi maksud B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM301,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM295,000.00 adalah perbelanjaan emolumen dan sebanyak RM2,000.00 adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan. Manakala baki sebanyak RM4,000.00 lagi adalah untuk pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM123,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian dan RM116,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM123,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar, di Nusajaya kepada anggota-anggota jabatan. Bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM116,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar, di Nusajaya kepada anggota-anggota jabatan.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM130,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM130,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke pejabat, ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar, di Nusajaya kepada anggota-anggota jabatan.



**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM202,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM202,000.00 adalah perlu untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar, di Nusajaya kepada anggota-anggota jabatan.

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM37,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, peruntukan tambahan sebanyak RM37,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM33,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen dan bakinya sebanyak RM4,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM677,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian, RM22,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar, RM71,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang dan RM1,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM677,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM22,000.00, di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM71,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM1,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut disediakan adalah untuk menampung

kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan dan pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL 2**

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA**

**Y.B. Dato' Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan Negeri bersidang semula.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010), (No. 1) Tahun 2010 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010), (No. 1) Tahun 2010.**

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Eh, derasnya.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

#### **Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ada ucapan penangguhan yang dibuat dan dah ada keputusannya. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan, jemput.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) :** Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada semua yang berada di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada kali ini. Permulaan tahun baru 2010 telah menyajikan kita dengan berita yang baik iaitu kadar ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan 40.5%. Ini telah membuktikan bahawa elemen-elemen yang telah dikenal pasti dan dipraktikkan menerusi pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak telah membuah hasil yang positif dan seterusnya memandu negara jauh dari belunggu kemurungan ekonomi. Pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus disegani negara-negara lain kerana pelaksanaan projek-projek yang telah digariskan beliau serta keputusan-keputusan kritikal yang diambil tanpa mengkompromikan kualiti telah melonjakkan negara daripada dibebani masalah ekonomi yang tidak menentu serta mengukuhkan ekonomi negara. Perbelanjaan dana kerajaan yang bijak untuk projek-projek tertentu serta pengurusan projek yang efektif telah menunjukkan bahawa negara kita mampu untuk menangani masalah yang dihadapi tanpa mengharapkan bantuan daripada negara-negara lain atau penerimaan dana daripada bank-bank dunia.

Perbelanjaan dana kerajaan yang bijak untuk projek-projek tertentu serta pengurusan projek yang efektif telah menunjukkan bahawa negara kita mampu untuk menangani masalah yang dihadapi tanpa mengharapkan bantuan daripada negara-negara lain atau penerimaan dana daripada bank-bank dunia.

Syabas diucapkan kepada Perdana Menteri atas keterampilan dan kebijaksanaan beliau mengorak langkah yang positif untuk Malaysia dari pelbagai sudut. Dalam keadaan yang tidak menentu, polisi-polisi beliau seperti konsep 1 Malaysia dan cogan beliau, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian

Diutamakan', sememangnya telah berjaya mengambil hati rakyat. Rakyat kini telah lebih positif untuk merealisasikan aspirasi negara di bawah kepimpinan beliau. Polisi-polisi ini bukan setakat perkataan yang tidak mempunyai pemberat, boleh dikatakan ia adalah nadi penggerak bangsa dan negara yang menjadi mantera untuk membangunkan rakyat dan negara.

Sungguhpun begitu, untuk menguatkan lagi cengkaman negara terhadap ekonomi yang kukuh serta pembangunan yang utuh, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri harus diberi penelitian yang optimum. Semenjak mengambil alih pucuk pentadbiran, Perdana Menteri telah mengutarakan pelbagai projek, idea serta cetusan pendapat untuk membangunkan insan dan negara. Semasa beliau mencapai hari ke-100 pentadbiran beliau, Perdana Menteri telah memperkenalkan NKRA atau Bidang Keberhasilan Utama Negara. Menerusi agenda beliau ini, kerajaan akan lebih komited bagi menetapkan NKRA yang akan dikawal selia melalui KPI atau Indeks Prestasi Utama. Dengan adanya kedua-dua jentera ini, maka implementasi rancangan-rancangan Kerajaan yang termaktub dalam 6 sektor NKRA dapat dipantau dan direalisasikan dengan penuh sistematik dan jayanya.

Kesemua 6 sektor ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat yang miskin dan miskin tegar. Salah satu agenda yang ingin dicapai dalam Rancangan Malaysia Ke-9 adalah untuk membasmi golongan miskin dan miskin tegar sebelum 31 Disember 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat sememangnya menginginkan kehidupan yang selesa dan sempurna. Selain itu, mereka juga inginkan isu keselamatan dititikberatkan. Apakah gunanya kesejahteraan dan cara hidup yang sempurna diwujudkan jika isu keselamatan dan keamanan diabaikan. Saban hari kita dilemparkan dengan kes-kes sosial yang semakin ekstrem, kes-kes pecah rumah, bunuh, penipuan, rogol, penagih dadah, deraan dan sebagainya ini semakin berani dilakukan tanpa mengira masa dan keadaan. Tambahan pula, keadaan ini menjadi lebih membimbangkan kerana golongan pendatang asing pula turut melibatkan diri. Kini sudah menjadi seperti satu pertandingan untuk menunjukkan kehebatan masing-masing di antara pendatang asing dan masyarakat tempatan untuk menempa nama dalam kegiatan-kegiatan terkutuk ini. Akhir sekali, masyarakat yang menjadi mangsa.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada PDRM yang akur kepada keadaan semasa dan mengambil tindakan untuk menangani masalah-masalah yang timbul. Contohnya, kewujudan pondok polis bit serta pemantauan dan rondaan yang kerap, telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Selain itu, tindakan cepat dan patuh pihak polis dan pihak berkuasa mencantas kegiatan tidak bermoral dan jenayah menyukarkan pertumbuhan kes-kes baru. Pihak Kementerian Dalam Negeri bersama-sama agensi-agensinya di bawah naungannya juga sering mengambil langkah tegas untuk memulihara dan memelihara kesejahteraan, keselamatan dan kedaulatan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dapat mengacapi keamanan dan kestabilan politik yang seragam berkat daripada keterampilan pucuk pimpinan dan visi para pemimpin kerajaan yang memerintah. Para pemimpin lelaki dan wanita, tua dan muda sehaluan dan bersatu dalam pembentukan negara, bangsa yang berakhlak, berwawasan, patriotik serta mempunyai ciri berdaya saing, positif. Dalam konteks ini, saya sebagai seorang wanita berasa sungguh bangga dan bertuah kerana diberi peluang untuk terlibat bersama kerajaan dalam pentadbirannya. Wanita di kebanyakan negara tidak diberi peluang seumpama ini atas alasan yang amat ketara, wanita lembut dan lemah serta tidak dapat memikul tanggungjawab yang besar dan penting. Kita sedang menuju ke era di mana peranan wanita semakin penting dan dirasai. Komitmen mereka dalam pelbagai hal lebih mendalam serta tumpuan penuh dapat mereka berikan dalam apa jua senario yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Kewujudan wanita dalam arena-arena penting pentadbiran telah membuktikan bahawa mereka mampu berdaya saing dengan golongan lelaki, bahkan dapat menghasilkan *output* yang sama atau lebih lagi. Sejarah telah membuktikan bahawa peranan wanita telah membantu membentuk dunia kita ke tahap ini. Wanita telah mula menonjolkan diri dalam bidang pentadbiran, kewangan, ekonomi, politik, kesukanan, bidang-bidang profesional yang lain dan sebagainya, yang dahulunya sering dikaitkan dengan golongan lelaki.

Wanita mula berperanan penting dalam memegang jawatan serta tanggungjawab yang berat dalam bidang-bidang yang diceburi. Menurut majalah Forbes, wanita berpengaruh di arena Asia seperti Sri Mulyani Inderawati, Menteri Koordinator dan Kewangan Republik Indonesia dan mantan *Director IMF Asia* Aung San Su Kyi, pejuang kemerdekaan Myanmar dan pemegang hadiah Nobel, Sonia Gandhi, Ketua Parti Politik terbesar di India untuk dijadikan contoh telah berjaya menjulang nama mereka di arena antarabangsa.

Calon dari Malaysia masih belum dapat menempah nama dalam senarai Forbes yang menyenaraikan wanita-wanita berpengaruh. Akan tetapi wanita Malaysia tidak kurang hebatnya dari segi pencapaian dan peranan mereka di negara ini khususnya dan dunia amnya. Profesor Datuk Dr. Mazlan binti Othman, ahli astrofizik pertama negara merangkap Ketua Pengarah Agensi Angkasa Kebangsaan, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor wanita pertama Bank Negara dan ramai lagi merupakan antara yang telah menunjukkan bahawa wanita mampu dan boleh menunjukkan kebolehan dalam apa jua bidang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah saya asyik bercerita tentang pencapaian wanita yang membanggakan ini, terdapat juga ramai kaum wanita yang terjerat dibelenggu pelbagai masalah dan ditindas. Wanita Malaysia pula tidak terlepas daripada isu ini. Isu-isu yang sering dihadapi adalah tahap penceraian meningkat yang sering menjadikan wanita sukar untuk kembali ke pangkal jalan dan berdikari. Sokongan kerajaan serta pihak-pihak tertentu tidak mencukupi untuk menangani masalah yang timbul. Selain itu, isu

yang melibatkan perkahwinan di antara warga pendatang asing dengan wanita tempatan yang dilakukan di luar bidang kuasa undang-undang juga harus dipantau dengan lebih ketat lagi.

Buat masa ini saya difahamkan bahawa jika didapati perkahwinan seumpama ini berlaku, maka permit kerja warga asing tersebut akan dibatalkan serta-merta. Apakah nasib si wanita jika sudah mempunyai anak? Di manakah hala tuju mereka, satu isu yang perlu kita renungkan. Amatlah susah untuk ibu-ibu tunggal menyara hidup mereka dan pada masa yang sama menjaga anak mereka. Bukan itu sahaja, kos penjagaan anak semakin tinggi. Apabila anak mereka semakin membesar, bagaimanakah si ibu dapat menanggung perbelanjaan dan sara hidup mereka? Persoalan-persoalan ini perlu dicari dan diberikan solusi yang sewajarnya. Penubuhan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak oleh kerajaan mesti dipercepatkan, khasnya di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya akan mengalih tumpuan masalah di kawasan saya...

**Y.B. Dato' Speaker** : Hmm, satu minit lagi.

**Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah (Tenggaroh)** : Sebahagian besar kawasan saya merangkumi perancangan FELDA, tambahan itu 5 buah pulau juga termasuk dalam kawasan saya. Satu perkara yang perlu diberi perhatian segera adalah jeti-jeti, keadaan kesemua jeti ini amat usang dan perlu di naik taraf. Pantai Kampung Teluk Meriam, Pulau Aur menghadapi masalah hakisan yang teruk. Perkara ini membimbangkan orang kampung kerana kesan hakisan menyukarkan haluan penduduk kampung dan membahayakan keselamatan rumah penduduk di tepi pantai.

Isu yang kedua yang saya hendak ketengahkan ialah ketiadaan kuarters kakitangan Kesihatan di Pusat Kesihatan Tenggaroh 2. Saya ingin mencadangkan agar pihak berkenaan dapat menyediakan kuarters supaya perkhidmatan kesihatan dapat dipertingkatkan lagi.

Yang ketiga Dato' Speaker, saya menyarankan kepada PDRM supaya menubuhkan sebuah polis bit ataupun balai polis di Tenggaroh 2 kerana kes pecah rumah, samun dan kecurian sering berlaku di gugusan Tenggaroh. 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Akhir kata, sekali lagi saya rakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan saya sudahi ucapan penangguhan saya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas)** : Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima

kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam ucapan penangguhan pada persidangan Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mewakili rakyat jelata di DUN Pekan Nenas ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Johor telah menyelesaikan beberapa isu utama di kawasan DUN Pekan Nenas semasa lawatan kerja ke Parlimen Tanjung Piai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita bersama Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan dan Ketua-Ketua Jabatan peringkat Negeri Johor dan Daerah Pontian pada 14 Januari yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa lawatan kerja ke Tapak Pelupusan Sampah Kampung Ayer Putih, Yang Amat Berhormat telah membuat pengumuman bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk memindahkan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kampung Ayer Putih, Pekan Nenas yang telah penuh, mencemarkan alam sekitar dan mengancam kesihatan penduduk tempatan itu ke tapak baru yang jauh dari kawasan kediaman dalam tempoh beberapa bulan ini dan seterusnya menutup selama-lamanya tapak pelupusan sampah Kampung Ayer Putih pada tahun 2011, demi kesihatan dan kepentingan rakyat kawasan Pekan Nenas.

Seluruh rakyat di kawasan Pekan Nenas amat gembira dan menyambut baik keputusan kerajaan tersebut kerana perpindahan dan penutupan Tapak Pelupusan Sampah Kampung Ayer Putih bermakna masalah pencemaran sumber air dan bau busuk yang mengganggu kehidupan harian serta mengancam kesihatan penduduk tempatan sejak beberapa tahun lalu dapat diselesaikan sepenuhnya.

Selain itu, beberapa isu lama berkaitan dengan permohonan hak milik tanah di Pekan Nenas juga telah dapat penyelesaiannya sempena lawatan kerja Yang Amat Berhormat. Antaranya termasuklah Tapak Rumah Berhala Tua Pek Kong, sebuah rumah ibadat bersejarah yang telah dibina sejak tahun 1933 dan tapak kuil India Pekan Nenas yang merupakan satu-satunya tempat beribadat untuk kaum India di Pekan Nenas, tapak baru SJK(C) Yu Ming 2, hak milik tanah Kampung Sepakat Jaya dan lain-lain isu pembangunan di DUN Pekan Nenas juga mendapat perhatian Yang Amat Berhormat dan kini dalam tindakan jabatan-jabatan kerajaan berkaitan di mana isu-isu tersebut dijangka dapat diselesaikan dalam tahun ini juga.

Lawatan kerja rombongan kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat amat dialu-alukan, dipuji dan disambut baik oleh semua lapisan rakyat. Yang Amat Berhormat bersama dengan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan turun ke padang meninjau masalah-masalah dengan mata sendiri dan seterusnya berusaha sedaya upaya untuk mencari penyelesaian demi kepentingan rakyat, membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita merupakan kerajaan yang berjiwa rakyat, amat prihatin terhadap rungutan rakyat dan berhasrat untuk membangunkan Negeri

Johor demi kepentingan rakyat, menepati inti pati gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan merupakan kunci kepada gagasan 1 Malaysia yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tanpa perpaduan di kalangan rakyat negara ini dan khasnya di Negeri Johor yang kita cintai ini, maka semua hasrat dan harapan 1 Malaysia tinggal sebagai slogan sahaja. Tanpa membelakangkan fakta sejarah di dalam kepelbagaian etnik yang ada dengan kaum Melayu, Cina dan India sebagai tunjang masyarakat pelbagai kaum, sifat toleransi dan penerimaan hakikat perbezaan budaya, agama dan cara hidup perlu ditekankan dan menjadi agenda utama kepada pemantapan perpaduan di kalangan masyarakat kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara pendekatan praktikal pengisian kepada matlamat mempereratkan perpaduan sewajarnya dimulakan di peringkat sekolah melalui aktiviti ko-kurikulum supaya anak-anak kita yang masih muda ini dapat belajar dan menyesuaikan diri untuk hidup bersama dalam suasana yang mesra tanpa merasakan perbezaan ras dan etnik.

Saya ingin menyarankan agar Kementerian Pelajaran menyalurkan lebih banyak peruntukan bagi mempergiatkan lagi aktiviti kokurikulum sekolah memandangkan aktiviti sedemikian memerlukan lebih perbelanjaan. Bagi kawasan-kawasan di mana terdapat pelbagai aliran sekolah hendaklah diadakan aktiviti kokurikulum seperti program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang melibatkan semua sekolah berhampiran supaya anak-anak kecil ini didedahkan dengan suasana pelbagai latar belakang kaum. Interaksi yang paling berkesan adalah seperti menganjurkan aktiviti perkhemahan, persembahan tarian kebudayaan yang boleh melibatkan semua murid selain dari aktiviti-aktiviti sukan.

Sesungguhnya ini merupakan pelaburan jangka panjang kerajaan yang akan memberikan pulangan yang amat besar bagi menjadikan Negara Malaysia sebuah Negara berbilang kaum yang aman damai, maju makmur dan masyarakat harmoni serta bersifat penyayang di masa akan datang.

Selain itu, bagi masyarakat massa, aktiviti perpaduan masyarakat melalui Jabatan Perpaduan seharusnya lebih inovatif dan kreatif untuk menarik orang awam turut serta. Satu pendekatan yang amat berjaya adalah dengan mewujudkan lebih banyak Kawasan Rukun Tetangga ataupun KRT di kawasan taman perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menyarankan agar KRT ini boleh ditubuhkan di setiap taman perumahan yang mempunyai bilangan penduduk minima 500 orang, berbanding dengan 2,000 orang seperti yang telah disyaratkan. Ini adalah untuk mengambil kira taman-taman kecil yang terasing. Jika syarat minima penduduk terlalu besar, maka taman-taman kecil yang terasing ini tidak akan dapat menubuhkan KRT sedangkan peranan KRT ini amat penting dan mempunyai serampang dua



mata iaitu sebagai pemangkin kepada perpaduan penduduk setempat dan juga sebagai badan yang boleh digerakkan untuk membantu menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang tidak kurang pentingnya adalah peranan pimpinan sama ada di peringkat akar umbi ataupun di peringkat lebih tinggi supaya sentiasa mewar-warkan tentang peri pentingnya perpaduan bagi kemajuan, kesejahteraan dan keamanan Negara kita Malaysia ini dalam setiap majlis yang dihadiri. Sehubungan itu juga, setiap rakyat mahupun pemimpin hendaklah mengelakkan diri dari menyentuh perkara-perkara sensitif khasnya berhubung dengan kaum dan agama secara terbuka yang kelihatannya sebagai hak kebebasan asasi untuk memperkatakan sesuatu tetapi mengundang kepada kontroversi dan akhirnya membawa kerosakan perhubungan sesama kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan perlu memandang serius dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja mencabar keluhuran Perlembagaan Negara dengan mengeluarkan kata-kata ataupun fitnah yang melampau berkenaan dengan isu perkauman sehingga boleh mencetuskan ketegangan perasaan sesuatu kaum ataupun menimbulkan perselisihan faham antara kaum. Semua pihak termasuklah pucuk pimpinan kerajaan ataupun pembangkang mahupun individu bertanggungjawab dan berkewajipan untuk memastikan perpaduan rakyat jelata yang berbilang kaum dapat terus dikekalkan demi ketenteraman dan kemajuan negara serta keharmonian masyarakat. Menggunakan sensitiviti kaum untuk meraih sokongan merupakan pendekatan yang sempit dan bahaya, tidak sesuai bagi negara kita yang berbilang kaum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang untuk menggantikan kaedah pelaksanaan program subsidi beras ST15% sedia ada dengan Program "Subsidi Beras Untuk Rakyat" (SUBUR), dengan cara pemberian baucer kepada golongan sasaran iaitu golongan miskin tegar, golongan miskin, mudah miskin dan institusi kebajikan, mulai 1 Disember tahun 2009. Pelaksanaan Program SUBUR dengan penggunaan baucer bagi pembelian beras dijangka dapat memastikan subsidi Kerajaan sampai sepenuhnya kepada golongan sasaran, menghentikan penyelewengan bekalan beras subsidi ST15 % dan sekali gus menutup ruang-ruang berlakunya ketirisan, di samping menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dalam pemberian subsidi beras kepada rakyat supaya peruntukan daripada penjimatan ini boleh disalurkan kepada golongan ataupun sektor lain demi kepentingan rakyat.

Dalam pada itu, Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP), Pejabat Daerah dan juga agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diberi tanggungjawab untuk membantu mendaftarkan golongan yang layak memohon baucar iaitu warganegara yang pendapatan keluarganya kurang dari RM1,500.00 sebulan di bandar atau mereka yang pendapatan seisi keluarganya RM1,000.00 di luar bandar. Kami selaku Wakil Rakyat telah membantu menyebarkan berita baik ini kepada semua lapisan

masyarakat, serta mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan SUBUR ini dengan bantuan Tok-tok Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Ketua Masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan juga NGO.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, 1 minit lagi.

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas)** : Sehingga bulan Januari tahun ini, sebanyak 774 permohonan baru telah disahkan oleh MPPP Tanjung Piai dan telah dihantar kepada kementerian untuk dimasukkan dalam senarai peserta program SUBUR. Amat mendukacitakan, sehingga hari ini program SUBUR yang sepatutnya bermula pada 1 Disember 2009 tidak dilaksanakan lagi atas sebab terdapat keraguan dalam senarai e-Kasih yang sedia ada. Kelewatan pelaksanaan program SUBUR ini mengakibatkan rakyat hilang keyakinan terhadap keikhlasan kerajaan untuk membantu golongan susah kerana sehingga hari ini baucar beras belum diberikan kepada mereka.

Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini saya ingin menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar dapat menggerakkan Program SUBUR secepat mungkin untuk meringankan beban hidup golongan miskin di samping mempertahankan imej baik kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mendahulukan rakyat, mengutamakan pencapaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin membangkitkan sekali lagi isu yang begitu kritikal ketika ini bagi masyarakat tani di kampung iaitu ancaman makhluk perosak khasnya monyet dan babi hutan yang semakin serius di kawasan Pekan Nenas. Kalau kita masuk ke kampung dan bertanya apakah masalah mereka yang menjadi bebanan, saya berani menyatakan bahawa 80% orang kampung meletakkan masalah ancaman makhluk perosak sebagai ancaman utama. Sebagai contoh, kampung-kampung dalam kawasan DUN Pekan Nenas seperti Kampung Seri Bunian, Kampung Melayu Raya, Kampung Sri Gambut dan Kampung Air Putih menghadapi masalah gangguan makhluk perosak monyet yang serius. Ancaman ini telah memusnahkan tanaman-tanaman orang kampung dan ianya memberikan impak besar kepada ekonomi dan sumber pendapatan masyarakat di kampung. Jika masalah makhluk perosak ini tidak ditangani dengan kadar segera, saya bimbang Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terpaksa memikul lebih banyak beban kewangannya oleh kerana ramai orang kampung akan mohon bantuan kerajaan kerana kurang kemampuan menyara hidup akibat sumber pendapatan mereka terjejas oleh makhluk perosak itu. Yang Berhormat Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, habis masa.

**Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas)** : Ya, *last sentence*. Sehubungan itu saya membawa sekali lagi isu ini supaya semua pihak khasnya Jabatan PERHILITAN untuk mengambil tindakan agresif yang benar-benar berkesan supaya hasil tanaman orang kampung dapat dirasai melalui pendapatan yang

lebih baik dan kehidupan yang lebih selesa. Dengan kata-kata ini saya mengakhiri ucapan penangguhan saya pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon jemput.

**Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato', pendidikan merupakan elemen terpenting yang menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara-bangsa. Asas-asas pendidikan yang kukuh diyakini akan mampu melahirkan warganegara yang dapat membebaskan potensinya untuk memperkayakan kehidupan dan juga dapat bersama memacu pembangunan holistik Negara ke satu arah era yang lebih bertamadun.

Justeru, perubahan demi perubahan terhadap dasar, polisi dan 'hukum' dalam bidang pendidikan yang disyorkan dan dilaksanakan semuanya menjurus ke arah penambahbaikan sistem pendidikan yang sedia ada. Rakyat umum mempunyai persepsi sedemikian, setiap kali Menteri Pelajaran berganti, kita dihidangkan dengan pelbagai pembaharuan dasar dan polisi. Setiap kali pembaharuan itu dilaksanakan, kita akan mendengar pelbagai rintihan dan 'cakap-cakap' yang membincangkan perkara tersebut. Namun Kerajaan sudah tentu mempunyai rasional dan hujah yang munasabah mengapa perubahan terhadap sistem dan dasar pendidikan hendak dilakukan.

Setelah lebih 50 tahun merdeka, kita masih belum lagi ada satu sistem pendidikan yang betul-betul mantap yang boleh kita jadikan asas dan sandaran yang kukuh untuk diguna pakai untuk satu jangka masa yang panjang. Kita sering kali tertangkap dalam fasa *trial and error*, dengan izin, atau cuba jaya. Contoh yang ketara sekali ialah Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris atau PPSMI yang lebih 6 tahun dilaksanakan, akhirnya ditarik kembali. Kita juga dapat lihat penekanan 3M pada satu ketika dulu, membaca, menulis dan mengira yang dapat menggambarkan satu suasana pembelajaran yang mengurangkan buku teks dan tekanan peperiksaan. Namun, hari ini beg sekolah semakin berat sampai menjejaskan kesihatan pelajar dan peperiksaan telah menjajah tempat pembelajaran dalam sistem persekolahan.

Saya sendiri pernah mengalami keadaan di mana kita diarah memakai istilah baru Matematik dan Sains beberapa bulan sebelum peperiksaan dan diberitahu untuk mengguna istilah lama, balik kepada istilah lama sejeurus sebelum menduduki peperiksaan SPM. Ini berlaku lebih 25 tahun lepas. Jadi keadaan ketidaktentuan atau *flip-flop*, dengan izin, ini masih ketara hari ini.

Baru-baru ini kita dihidangkan semula dengan pelbagai pembaharuan dasar dalam bidang pendidikan, kerajaan telah menubuhkan 50 buah Sekolah Berprestasi Tinggi dengan kuasa dan autonomi yang diberikan kepada Pengetua dan Guru Besar sebagai konsep dan dasarnya. Sejumlah peruntukan yang agak besar juga diberikan kepada sekolah untuk mengurus pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan kokurikulum. Jadi, sebelum ini kita juga ada

Sekolah Kluster yang di umum sejurus sebelum pengumuman Sekolah Berprestasi Tinggi. Jika kita masih ingat lagi, sebelum ini, kita ada sekolah yang dinamakan Sekolah Bestari, Sekolah Terkawal, Sekolah Lestari dan pelbagai jenis sekolah lagi. Apa beza dan persamaan antara kesemua jenis sekolah ini? Adakah tidak terdapat pertindanan atau saling persamaan fungsi antara setiap jenis kategori sekolah ini? Bagaimana kaedah memantau telah dijalankan terhadap sekian banyak jenis kategori sekolah. Bagaimana kita hendak membuat perbandingan prestasi atau pencapaian sekolah-sekolah ini terutama dalam keputusan peperiksaan dan kualiti secara keseluruhannya?

Kita mengakui bahawa perubahan memang perlu untuk mendapati perubahan zaman dan perkembangan terbaru pemikiran dan praktis pendidikan. Yang penting sekali di antara perubahan mesti ada penerusan atau *continuity*, dengan izin. Ibu bapa mesti diberi penerangan dan pendidikan semula mengenai perubahan-perubahan ini. Apa puncanya dasar kita sentiasa berubah? Kerana kita tidak menyediakan asas-asas penyelidikan yang kukuh, terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu perubahan. Dengan penyelidikan yang kukuh kita mampu untuk menilai sejauh mana keperluan terhadap sesuatu perubahan dan sejauh mana kita menjangkakan perubahan terhadap dasar dan mekanisme terutamanya pendidikan akan meninggalkan impak yang kita hajati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hanya dengan penyelidikan, penelitian dan perancangan yang dalam dan telus kita dapat menahan perubahan dasar yang dibuat berasaskan tekanan atau keinginan politik. Selain daripada itu, sebagai sebuah negara membangun yang hendak mengejar status negara maju, kita perlu berusaha untuk memberi berbagai pilihan kepada pelajar dan suasana pembelajaran agar setiap potensi, kelebihan dan kekuatan yang ada dalam setiap diri individu dibangunkan secara sempurna. Satu penyelesaian akar dan juga cabaran utama pada pandangan saya ialah mewujudkan satu keadaan di mana kerjaya pendidikan dianggap pilihan pertama dan status sosial guru dapat dipulihkan. Ini adalah antara beberapa persoalan asas yang seharusnya kita sama-sama fikirkan dan harap dijadikan keutamaan tahun ini.

Kita mengharapkan agar nanti lahir warganegara Malaysia yang dibina menerusi asas-asas pendidikan kukuh bukan sahaja berorientasikan buku dan peperiksaan tetapi jauh dari itu membangun berasaskan gubahan holistik. Seorang warganegara yang dapat menghayati erti kehidupan di bumi merdeka yang dapat menjamin kelangsungan dunia untuk generasi akan datang. Masa depan lebih 5 juta anak-anak kita yang berada dalam sistem persekolahan terletak di tangan kita. Untuk itu, kaedah komprehensif yang menekankan aspek pembangunan potensi individu tentunya menjadi pendekatan.

Semoga kita dapat menggapai impian tersebut ke arah melahirkan sebuah bangsa yang mantap, bangsa Malaysia yang menjunjung nilai 1Malaysia. Dengan ini saya akhiri ucapan penangguhan saya dan sekali lagi saya sampaikan salam Pemanis. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Harun bin Abdullah.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikummussalam.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang memberi peluang kepada saya, mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor adalah negeri yang kaya dengan sumber alam semula jadi, kaya dengan hutan yang hijau, kaya dengan hasil buminya dan kaya dengan sumber airnya. Dalam kehidupan kita seharian amat memerlukan sumber air untuk kegunaan minuman termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Oleh itu kerajaan perlu menjaga sumber air ini seperti sungai, bukit, hutan supaya air tidak tercemar atau air berkurangan. Sebagai contoh, Empangan Sembrong, apabila berlaku hutan ditebang dan ditanam dengan tanaman pokok kelapa sawit dan tanaman lain, maka bekalan air terus berkurangan. Maka dengan itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya tidak terlibat, tidak terlibat kawasan takungan air seperti Takungan Air Sungai Lebam, yang telah dikurniakan kepada mereka yang tertentu, iaitu kawasan tanaman, kawasan tanah yang dikurniakan hanya 100 hingga 200 meter daripada Takungan Air Sungai Lebam dengan tujuan untuk menanam pokok kelapa sawit dan tanam tanaman lain. Kalau ini berlaku maka takungan air ataupun empangan ini akan menghadapi pencemaran air yang juga kekurangan air dalam tempoh masa dua atau tiga tahun yang akan datang.

Oleh itu saya mewakili seluruh penduduk daerah Pengerang, yang sedang pesat pembangunan dengan jumlah penduduk lebih daripada 70,000 orang, maka dalam Dewan ini saya mohon kepada kerajaan supaya mengkaji semula kelulusan tersebut supaya penduduk tidak memarahi kerajaan, atau tidak menimbulkan masalah di kalangan masyarakat di daerah kecil Pengerang dari segi masalah air. Tambahan pula tanah tersebut telah diwartakan sebagai tanah Takungan Air Sungai Lebam, dan telah diluluskan oleh kerajaan Bilangan 130/78 bertarikh 1 Februari 1978. Sebagaimana surat PTG Bilangan PTGV!/2/76 bertarikh 6 Februari 1978, Pelan Ukuran kawasan tadahan takungan air telah pun dimajukan kepada PTG untuk diwartakan pada 27 Julai 1993 di kawasan Takungan Air Sungai Lebam, Mukim Tanjung Surat adalah seperti berikut:

Kawasan PTD 1295, seluas 4,568.675 ekar, Mukim Tanjung Surat. Kawasan PTD 1498, seluas 1,231.325 ekar, Mukim Pantai Timur. Kawasan tambahan sebanyak PTD 1479, seluas 690 ekar, Mukim Pantai Timur telah dijadikan kawasan takungan air yang jumlahnya 6,490 ekar. Tapi malangnya sebahagian kecil tanah tersebut telah dikurniakan kepada mereka yang terlibat tanpa melihat kepentingan rakyat dan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, saya berharap kepada

kerajaan dapat menggantikan kawasan tersebut ke kawasan yang lain, bukannya kawasan Takungan Air Sungai Lebam yang menjadi isu seluruh penduduk di Pengerang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan DUN Tanjong Surat penuh dengan sungai, anak sungai dan kayu bakau yang merupakan kawasan Hutan Simpanan Kayu Bakau. Tapi malangnya kawasan tersebut telah tercemar dengan pembinaan kolam udang termasuk juga kolam ikan yang dikurniakan kepada pihak syarikat yang tidak bertanggungjawab, menyebabkan beberapa sungai ditutup, pokok bakau ditebang sesuka hati tanpa dikawal oleh kerajaan. Ini berlakunya di kawasan Sungai Lebam, Sungai Papan dan Tanjong Surat serta persekitarannya. Maka dengan berlaku perkara ini menyebabkan pendapatan nelayan di kawasan tersebut tergugat. Tambahan pula pencemaran air semakin menjadi-jadi menyebabkan berlaku kerosakan tebing sungai akan runtuh dan rosak. Ada setengah tempat kawasan tersebut telah di ceroboh tanpa kebenaran kerajaan, seperti kalau kerajaan meluluskan 100 ekar, syarikat tersebut menceroboh sehingga 150 ekar iaitu tambah 50 ekar. Oleh sebab itu, saya minta kerajaan dapat menyiasat, mengambil tindakan tegas serta membatalkan projek tersebut bagi menyelesaikan masalah kaum nelayan kawasan Tanjong Surat, Sungai Papan dan juga Sungai Lebam serta persekitarannya. Saya percaya dan yakin kerajaan akan memikirkan kepentingan kaum nelayan yang perlu dibela, dikawal keindahan alam semula jadi dengan pokok hijau di tebing sungai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah berjaya menyelesaikan masalah tanah, dan lain-lain masalah yang dihadapi oleh rakyat Negeri Johor, sebagaimana lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke DUN-DUN dan ke Parlimen. Ini memberi kesan yang amat mendalam di hati rakyat kerana banyak bantuan dan masalah yang dapat diselesaikan dengan segera. Saya percaya dan yakin Negeri Johor akan terus kekalkan 100 peratus kemenangan dalam pilihan raya yang akan datang iaitu Pilihan Raya Yang Ke-13. Kita pastikan kesemua enam-enam kerusi pembangkang sekarang ini akan dapat dikembalikan kepada Barisan Nasional. (Dewan Bertepuk).

Ini telah jelas kepada kita bahawa perpaduan dan kerjasama parti pembangkang telah pun berpecah belah di antara mereka. Saya lihat perpaduan kaum di Negeri Johor seperti kaum Cina, kaum Melayu dan India begitu kukuh, mantap dan bersatu padu di bawah pimpinan Kerajaan Negeri Johor iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Oleh itu kita rakyat Johor yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, dapat terus bekerja sama dan bantu membantu di antara satu sama lain, maka Negeri Johor akan menjadi negeri yang kuat, berjaya dalam bidang pembangunan, perpaduan masyarakat dan kemenangan Pilihan Raya Yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, parti Pakatan Rakyat adalah parti gabungan yang terdiri daripada parti DAP, Keadilan dan PAS yang mana parti tersebut telah berlaku pergolakan yang begitu serius dan kita lihat pakatan mereka tidak

sefahaman di antara satu sama lain. Yang mana parti DAP mempunyai prinsip sendiri, iaitu parti yang menentang Negara Islam dan juga menentang agama Islam sebagai Agama Rasmi negara kita. Parti PAS adalah parti yang mencerminkan Islam dan ingin menjadikan sebuah Negara Islam, telah menjadi pak turut dan menyokong dasar parti DAP yang tidak suka kepada orang Melayu Islam. Sebagai contoh...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker, menurut Peraturan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, kejap, kejap, ya?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Menurut Peraturan Tetap 45(13), saya rasa Yang Berhormat Tanjong Surat telah bangkitkan sahsiah terhadap parti pembangkang. Itu merupakan satu ucapan yang tidak berapa sesuai di dalam Dewan ini. Lebih baik beliau boleh bangkitkan soalan-soalan yang boleh dijawab oleh pihak kerajaan, bukan pihak pembangkang, kita tak dapat jawab.

**Y.B. Dato' Speaker** : 45?

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu kata DAP, jadi hak saya cakap, saya cakaplah.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Itu bukan semangat 1Malaysia, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Fasal dasar DAP boleh tak ada semangat 1Malaysia, DAP.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini bukan 1Malaysia, walaupun kita ada kepentingan politik berlainan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, Yang Berhormat, oklah, ok diambil perhatian. Terus Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh kegunaan kalimah Allah, menentang perarakan sambutan Maulidur Rasul di Pulau Pinang dan lain-lain yang merosakkan kepercayaan kepada orang Melayu, yang mana parti PAS sendiri ada alim ulama, Menteri-Menteri Besar Johor, eh Menteri Besar Kelantan, saya minta maaf, yang bersetuju dengan cadangan yang telah dibuat oleh DAP. Ini menunjukkan parti Keadilan, parti PAS telah diperbodohkan oleh parti DAP yang bersikap perkauman atau orang yang suka berpura-pura tetapi anti kepada Islam. Adakah pemimpin PAS dan Keadilan sedar atau takut kepada pemimpin DAP kerana kepentingan individu dalam parti itu sendiri? Sanggupkah mereka menjual bangsa maruah bangsa Melayu, masa depan orang Melayu kepada orang lain? Ini bukan disebabkan oleh bangsa lain, tetapi disebabkan bangsa Melayu itu sendiri, membuka pekung atau mendedahkan keburukan diri sendiri disebabkan hendak memerintah negara ini tanpa melihat kepentingan bangsa

mereka sendiri. Adakah pemimpin Keadilan, PAS sedar bahawa parti DAP menggunakan mereka...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, seminit lagi.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Atau diperbodohkan oleh pemimpin PAS, eh pemimpin DAP, yang cukup benci kepada Islam dengan merendahkan martabat Melayu...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Bantahan, bantahan, Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap, kejap, kejap. Yalah. Yang Berhormat, saya ingat tak payah sebutlah. Kita teruskan. Ok, saya dah beritahu dia.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Kita hormat Islam...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, dia ni, Yang Berhormat, benda ni...

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, seminit lagi.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, dah tamat ni, dah habis.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit sahaja. Saya berharap kepada pemimpin PAS dan Keadilan supaya sedar dan insaf bahawa beliau patut kembali ke pangkal jalan yang berlandaskan ajaran al-Quran dan Hadis kerana mereka sudah lupa asal usul negara ini adalah Ketuanan kepada Sultan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok Yang Berhormat, dah habis.

**Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjong Surat)** : Terima kasih. Terima kasih. (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, dijemput.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : Bismillahirrahmannirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikummussalam.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : Dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya dalam menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.



Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum Ke-12, Kerajaan Pusat di bawah teraju Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia, telah memperkenalkan beberapa pendekatan dalam melicinkan jentera pentadbiran. Di antaranya adalah seperti menambahbaikkan sistem penyampaian kerajaan dan penubuhan Institut Integriti Malaysia atau dikenali dengan IIM. Penambahbaikan yang dicadangkan ialah berkaitan dengan kaedah menyampaikan sesuatu maklumat kepada pemohon atau orang ramai. Manakala penubuhan IIM ini akan memberi latihan dan pendedahan kepada penjawat awam, tentang nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas perkhidmatan awam. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri di bawah teraju Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman juga mengambil langkah yang seiring dengan memperkenalkan sistem aduan dalam Laman Web Rasmi Kerajaan dan menubuhkan IKLAS yang bertanggungjawab dalam memberikan latihan dan kursus berkaitan integriti kepada penjawat awam di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sungguhpun begitu saya melihat keikhlasan dan keterbukaan pentadbiran kerajaan di peringkat Pusat mahu pun Negeri nampaknya macam tidak dihargai. Saya masih ingat satu laporan sebelum ini berita yang mendakwa sejumlah 700 buah lori dan ada yang mengatakan 500 buah telah menyeludup pasir ke Singapura. Walaupun ada arahan Kerajaan Pusat yang melarang bahan itu dieksport. Walaupun terbukti hanya pasir jenis silika pada jumlah yang kecil yang sememangnya dibenarkan untuk dieksport, namun penjelasan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri berhubung isu ini seolah-olah tidak diterima dan terus dipertikaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini sekali lagi kita dikejutkan apabila mendengar laporan yang tidak berasas yang disiarkan dalam Buletin Utama TV3 bertarikh 21 Februari 2010, yang mendakwa hasil bahan batuan di daerah Batu Pahat dirompak dan sebahagiannya di seludup ke luar negara. Laporan berita ini juga mendakwa hasil royalti yang dipungut oleh Pejabat Tanah Batu Pahat sangat rendah hingga kerajaan kerugian beratus ribu ringgit setiap tahun. Setelah siasatan terperinci dibuat oleh Kerajaan Negeri dan penjelasan dibuat melalui Exco Y.B. Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, membuat kenyataan rasmi pada 25 Februari 2010, menafikan laporan ini, pihak TV3, saya lihat langsung tidak berminat menyiarkan berita ini dalam buletin mereka. Malah hanya pihak RTM yang telah menyiarkan berita ini dalam Berita Wilayah pada hari yang sama dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada RTM.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat isu ini seolah-olah pihak TV3 bebas membuat apa juga tuduhan tanpa perlu ada bukti dan berselindung atas nama program Aduan Rakyat. Dalam kes di Batu Pahat, TV3 tidak langsung menyiarkan kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Johor, seolah-olah lebih mempercayai apa yang dilaporkan. Ia memberikan gambaran Kerajaan Negeri Johor tidak berintegriti, dengan membenarkan penyeludupan hasil bumi negeri tanpa kawalan dan pemantauan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat tertanya-tanya tentang keikhlasan stesen televisyen ini. Adakah ada udang di sebalik batu? Apakah sebenarnya yang tersirat dan apakah ada tujuan jahat atau ada tangan yang tidak terlihat yang mendalangi dari belakang tabir? Kita kaji dan kita lihat kembali ke belakang. Jangan sampai pisang berbuah dua kali, harus kita ambil iktibar dari sejarah yang baru sahaja berlalu. Bagaimana sebuah negeri dapat ditumbangkan dengan adanya sumbangan stesen televisyen ini berterusan memaparkan berita-berita negatif yang dengan disulami gaya mengangkat tangan tersendiri dan pepatah bahasa yang tidak kita fahami. Walaupun kesahihan berita belum terbukti, tetapi akhirnya rakyat hilang keyakinan kepada Kerajaan Negeri yang disasarkan ini dan apakah perancangan yang sama kali ini ditujukan kepada Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, saya menyeru dan mencadangkan di Dewan yang mulia ini, sudah tiba masanya pihak Kerajaan Negeri mengambil tindakan tegas kepada pihak TV3 dan media massa. Kalau perlu tindakan saman kita ambil ke atas TV3 dan Media Prima ini supaya dengan tidak sewenang-wenangnya membuat tuduhan konon atas nama kepentingan rakyat. Tindakan tegas seperti ini juga saya kira perlu kita ambil terhadap mana-mana pihak atau pihak media massa yang membuat pertuduhan ke atas Kerajaan Negeri tanpa asas dan tanpa bukti dan saya kira akan menjadi pengajaran kepada mereka agar melaporkan sesuatu berita itu dengan penuh teliti, bertanggung jawab dan berwibawa dari segi sumber beritanya. Pada peluang dalam Dewan yang mulia ini, saya menyeru kepada kita semua agar kita terus bersama, bersatu dan beriltizam supaya melindungi integriti Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim yang kita kasahi.

**Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok. Ada pihak kerajaan nak jawab? Yang Amat Berhormat?

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjong Surat mengenai kawasan takungan air. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dan juga kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Surat, bahawa kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebenarnya adalah kawasan-kawasan yang pernah dicadangkan. Saya ulangkan, dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menjadi kawasan tadahan air. Tetapi akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kepada cadangan yang dibuat oleh pihak syarikat air dan juga pihak BAKAJ, yang bertanggungjawab secara langsung untuk mencadangkan kawasan-kawasan tadahan air di Negeri Johor ini, maka dirumuskan dalam bentuk satu keputusan di peringkat Kerajaan Negeri dan disusuli dengan satu langkah ke arah diwartakan, maka Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Tanjong Surat lebih kurang 6,000 yang diwartakan pada, muktamadnya ialah sebahagian

daripadanya iaitu lebih kurang 3,000 ekar keseluruhannya. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, jika sekiranya ada kawasan-kawasan yang telah pun dijadikan kawasan pertanian maka, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa itu adalah kawasan-kawasan yang di luar daripada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan takungan air. Jadi itu sebenarnya kedudukan yang dirujuk oleh Yang Berhormat daripada Tanjong Surat dan ini termasuk kawasan-kawasan yang ada di mukim-mukim Tanjong Surat dan juga mukim Timur seperti Yang Berhormat sedia maklum. Jadi adalah tidak tepat jika sekiranya ada kurniaan tanah untuk pertanian yang termasuk dalam kawasan takungan air yang telah pun diwartakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan takungan air yang telah pun diwartakan itu adalah kawasan yang memang sesuai untuk menjadi kawasan takungan air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Surat bahawa di sebelah Barat kawasan yang berkenaan ialah pada paras yang agak tinggi sedikit. Kawasan yang diwartakan adalah di sebelah Timur, kawasan yang agak rendah yang sesuai untuk menjadi kawasan takungan air di mana mengalir ke kawasan tersebut, sungai dan anak-anak sungai dan di kawasan yang tinggi ada satu kemudahan untuk takungan air supaya dapat membekalkan kawasan yang di sebelah luar takungan air, lebih-lebih lagi untuk kawasan-kawasan FELDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin juga maklumkan di sini bahawa Yang Berhormat daripada Tanjong Surat ada merujuk tentang pencerobohan yang berlaku di sungai-sungai sekitar Sungai Lebam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa di kawasan sekitar Sungai Lebam di Mukim Tanjong Surat terdapat ternakan akuakultur iaitu ternakan ikan air masin dan juga air payau yang sebenarnya merupakan tanah-tanah bermilik dalam senarai yang dapat dikesan ada 8 kegiatan-kegiatan akuakultur di perairan sekitar Sungai Lebam. Adalah sah bahawa ia adalah pada tapak-tapak yang berhak, tapak-tapak yang bermilik. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sama ada air di situ sudah pun tercemar Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga bahawa memang sesuai di perairan, di perairan sebelah Timur di mana terletaknya Sungai Johor, terletaknya sungai-sungai yang ada seperti Lembangan Sungai Lebam itu sendiri memang sesuai untuk ternakan akuakultur ini. Kerajaan sebenarnya menggalakkan kegiatan-kegiatan tersebut.

Oleh yang demikian Dato' Speaker, saya, kalau sekiranya berlaku pencemaran perairan sungai dalam tanggapan saya bahawa ternakan akuakultur itu lebih ke arah ke hilir sungai-sungai yang berkenaan, sewajarnya pencemaran tidak menjadi masalah. Walaupun begitu pihak kerajaan akan sentiasa mengesan kedudukan mutu air di merata Negeri Johor dengan sampel-sampel air yang kita ambil untuk menentukan sama ada sungai-sungai di Negeri Johor ini sudah pun mengalami pencemaran dan saya akan mendapatkan gambaran yang sebenarnya di sungai-sungai persekitaran Sungai Lebam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu, saya ingin maklumkan bahawa di, memang benar apa Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa ada pencerobohan oleh penduduk tempatan di kawasan seperti Sungai Ambok seluas 150 ekar yang telah pun ditanam dengan dusun lebih kurang 15, 20 tahun. Dan terdapat juga satu kawasan yang dikenal pasti telah di ceroboh oleh penduduk tempatan seramai 56 orang dengan kelapa sawit yang sudah pun berusia lebih kurang 8 tahun berdekatan dengan Kampung Baru Sungai Mas dengan keluasan lebih kurang 220. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya sebut bahawa kegiatan akuakultur adalah pada tanah berhak, bermilik walaupun begitu ada tanah yang telah pun di ceroboh Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan sedang meneliti tentang kedudukan pencerobohan tersebut sama ada sesuai untuk dipertimbangkan untuk masyarakat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada ada 2,3 perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini, di antaranya ialah saya merujuk tentang satu perkara yang agak, dihadapi oleh Negeri Johor iaitu hakisan pantai. Tadi Yang Berhormat daripada Tenggara menyebut tentang hakisan pantai di pulau-pulau. Walaupun begitu kita menghadapi satu suasana yang agak lebih serius di mana berlaku hakisan pantai di lebih-lebih lagi sebelah Barat di Johor ini. Di sepanjang perairan pantai daripada daerah-daerah Batu Pahat sampailah ke Pontian dan juga sampai di sebelah perairan sungai-sungai Pulau di hadapan Tanjong Piai yang juga menghadapi hakisan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ini satu perkara yang berlaku sekian lama juga kerana kita telah pun maklum bahawa tanah-tanah milikan masyarakat tempatan di hadapan perairan-perairan Barat Johor telah pun ditenggelami oleh air sehinggakan tanah sudah pun hilang daripada permukaan-permukaan bumi Johor kerana ditenggelami oleh air daripada air Selat Melaka. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah pun membuat cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 ini, bagaimana kita perlu membuat satu usaha secara berterusan, mungkin sebab bahagian demi bahagian, untuk kita memastikan bahawa hakisan pantai termasuk juga pantai di pulau-pulau dapat kita pertahankan, kita atasi. Ini adalah satu masalah yang perlukan kepada pengamatan daripada Kerajaan Persekutuan dan mengatur satu rancangan mempertahankan pantai di sepanjang Barat Negeri Johor dan saya percaya juga di negeri-negeri lain yang ada pantai di sebelah Barat Semenanjung ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang juga menjadi masalah masyarakat tempatan, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pekan Nenas yang berkaitan dengan tapak pelupusan sampah, saya bersetuju bahawa ada sebanyak dekat-dekat 30 tapak pelupusan sampah yang telah digunakan sekian lama di Negeri Johor ini sempena dengan amalan membuang sampah di tapak pelupusan yang tidak mempunyai amalan yang baik iaitu sistem pelupusan sampah secara *sanitary*. Kita maklum bahawa sebelum ini tapak pelupusan sampah sebelum ini dibuat dengan timbunan di permukaan bumi di tapak-tapak yang berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, maka perlu langkah secara teratur untuk menutup tapak-tapak pelupusan sampah ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, makluman Ahli Yang Berhormat daripada Pekan Nenas, bahawa di Pekan Nenas memang dalam proses untuk ditutup sementara mencari tapak yang baru. Oleh itu saya ingin minta Ahli Yang Berhormat dari Pekan Nenas untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat tempatan bahawa langkah untuk menutup sebahagian daripadanya akan bermula sementara sebahagiannya masih lagi mungkin digunakan untuk sementara kita mendapatkan tapak yang baru. Tapak yang baru ini kita gunakan amalan pelupusan secara *sanitary*. Begitu juga dengan kedudukan tapak pelupusan sampah yang ada di Bakri yang menjadi masalah masyarakat tempatan, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu oleh kerana tapak ganti dengan amalan *sanitary landfill*, dengan izin, maka tapak pelupusan sampah di Bakri akan ditutup dengan selamat. Jadi itu adalah di antara Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara-perkara yang dapat saya sambut sempena dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekianlah Ucapan Penangguhan tadi. Dan saya ucap terima kasih kepada Ahli yang Berhormat sekalian yang telah pun memberikan ucapan. Oh, Yang terhormat nak jawab, minta maaf.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Izinkan saya di Dewan yang mulia ini untuk respons sedikit kepada ucapan penangguhan yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kukup iaitu berkenaan dengan apa yang telah dibuat ataupun berita berkenaan dengan berita Buletin Utama sebuah saluran TV terkenal di negara kita pada 21 Februari 2010. Dan izinkan saya juga kalau boleh di dewan ini untuk makluman kita semua untuk memetik sedikit, mengimbuai balik apa yang telah diperkatakan oleh saluran TV berkenaan pada malam 21 Februari, jam 8 malam melalui berita Buletin Utamanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebut perkataan demi perkataan untuk menunjukkan betapa saluran TV ini cuba mensensasikan sesuatu keadaan dengan pada 21 Februari pada malam itu, dengan bermula seperti cakapan pemberita utamanya, dia kata, "Jika semalam kami bawakan laporan kebas kayu balak di Pahang", TV ini cakap. "Malam ini satu lagi pendedahan, satu lagi pendedahan kami menyaksikan hasil bumi terus dirompak. Hasil kuari batu yang di seludup dengan rakus, hasil kuari batu yang di seludup dengan rakus", kemudian dia katanya laporan bersama sipolan binti sipolan. Dan sipolan binti sipolan ini, Ahli Yang Berhormat pun berkata terus SPRM membuat intipan bla,bla,bla sekian lama jenayah ini rupa-rupanya berleluasa dari atas Bukit Minyak Beku, Batu Pahat. "Hasil kuari ligat dikebas. Saiznya luas 5 kali padang bola". Itu tuduhan yang pertama.

Yang kedua, TV ini cakap, dia cakap hasil siasatan SPRM, "Kuari ini tidak dikutip cukai hasil hutan. Setiap tahun RM500,000.00 hilang begitu sahaja. Yang untung

pemilik kuari”, dia kata. Dan dia kata pula lagi, “Ditambah lagi Ketua Audit Negara sudah mengarahkan kuari ini ditutup kerana menjejaskan penduduk sekitar tetapi entah apa sebabnya lesen pemilik kuari dilanjutkan sehingga April oleh Jabatan Hutan Johor”.

Dan yang keempat Dato' Speaker, dia terus cakap, “Hasil pengeluaran kuari dikutip dan dinikmati Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat, caj dikenakan pula jauh lebih rendah”. Dan ini pemberita pandailah ini. Tadi cakap haram, tapi ini dia kata hasil dikutip oleh Pejabat. Ini sudah bercanggah kerana nak sensasilah ini agaknya. Dan yang kelima, “Doket pengeluaran pasir di gunakan 3 lori berkenaan berulang alik. Ia dibawa terus ke sebuah jeti”. Dan yang keenam diungkapkan terus “ Kerakusan manusia, khazanah negara dirompak, di seludup terus dengan mudah kata dia ke Singapura”. Jadi saya bersetuju dengan ADUN Kukup bahawa berita seumpama ini memberikan satu gambaran yang cukup tidak baik. Bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri tetapi juga kepada anggota jabatan kerajaan berkenaan yang melaksanakan tugas seharian mengikut perundangan dan kelulusan yang telah dibuat.

Saya ingin menjelaskan Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu tanah yang dimaksudkan, tapak lokasi yang dimaksudkan ini sebenarnya terletak di Batu 3 ½, Jalan Minyak Beku, Batu Pahat dan kedudukan tanah ini ialah bersambungan dengan sebuah syarikat kuari yang sah beroperasi sejak tahun 1960-an. Saya masih kecil lagi, masih bersekolah, masa tu di Batu Pahat. Sejak tahun 1960-an, iaitu Syarikat Medan Kuari Sdn. Bhd di Lot 2370 dan Lot 2983. Tanah ini bersempadan dengan sebuah kuari yang memang sudah beroperasi sejak tahun 1960-an. Dan tanah yang dimaksudkan ini iaitu PTD 44247 dengan keluasanya lebih kurang 16 ekar, Yang Berhormat Dato' Speaker telah pun pada satu ketika dulu tahun 1969, Kerajaan Negeri ketika itu luluskan kepada seorang individu bagi tujuan kuari juga, keluarkan hasil batu daripada tanah ini.

Dan ada lesennya yang sah daripada sejak tahun 1969 tetapi telah dibatalkan pada 1996, terbatal bukan dibatalkan pada tahun 1996 kerana pemegang lesen ini mati, meninggal dunia. Oleh kerana itu, tanah ini telah dimohon oleh syarikat, anak syarikat Medan Kuari iaitu kuari yang sedang beroperasi mohon tanah 16 ekar ini untuk tujuan yang sama dan kerajaan pada tahun, bulan Februari tahun 2004 telah pun meluluskan tanah ini bagi tujuan pengeluaran batu kuari dengan mengenakan syarat-syarat yang biasa iaitu diluluskan secara lesen kecil bagi pengeluaran bahan batu. Dua, pengusaha kena tandakan dan sediakan sempadan kawasan, ini semua mengikut Kanun Tanah Negara, mengikut Peraturan Tanah Negeri dan menjelaskan segala bayaran dan royalti yang dikenakan. Jadi, tuduhan yang mengatakan bahawa hasil kuari ini ligat dikebas adalah merepek dan tidak betul.

Dan juga tuduhan yang mengatakan bahawa kita, Kerajaan Negeri hilang hasil RM500,000.00 setahun juga tidak betul kerana mengikut rekod Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ada di Pejabat Tanah, saya nak sebutkan di sini bahawa pada keseluruhannya daripada tahun 2004 hingga 2010 bulan 3, kita telah pungut hasil sebanyak RM2.026 juta daripada kuari ini. Dan, untuk makluman

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007 saja kita pungut RM650,802.50 hasil royalti daripada kuari ini, tahun 2008 dia menurun sikit mungkin bisnes tak ada, kurang, jatuh kepada RM393,257.50 dan tahun 2009 naik balik kerana permintaan ada, RM674,290.00. Ini jelas menunjukkan bahawa berita ini adalah satu berita yang tidak betul. Dan lesen kuari ini pula memang sentiasa oleh kerana telah ada kelulusannya Yang Berhormat Dato' Speaker, memang sentiasa dibaharui daripada semasa ke semasa, baik lesen tapak yang dikeluarkan oleh Jabatan Hutan dan juga permit untuk mengeluarkan bahan batu ini daripada kuari itu untuk dijual di pasaran tempatan dan juga untuk di eksport ke Singapura melalui jeti persendirian di Minyak Beku itu sendiri. Itu pun semuanya ada permit yang diberikan melalui Borang 4C.

Saya, untuk rumusannya Yang Berhormat Dato' Speaker, tidaklah mahu menidakan apa yang dikatakan oleh ADUN Kukup sama ada stesen televisyen ini apakah keikhlasannya? Adakah ada udang sebalik batu? Apakah yang sebenarnya yang tersirat? Apakah ada tujuan jahat? Atau ada tangan tak terlihat yang mendalangi daripada belakang tabir, sepertimana yang diungkapkan oleh ADUN Kukup. Tetapi kita beranggapan bahawa saluran TV yang terkenal di negara ini seharusnya bersifat, bersikap lebih berhati-hati dan lebih profesional di dalam urusan pendedahan, "pendedahan" yang hendak dimaklumkan kepada penonton ramai. Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sehubungan dengan itu, dengan berita yang dikeluarkan ini iaitu pada tanggapan sayalah kalau nak dikategorikan berita ini apa jenis, apa kualitinya, pada saya ia berita hampas, berita yang tidak dikaji selidik dulu, berita yang hanya nak mengejar sensasi tanpa siasatan yang lebih lanjut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Wartawan itu lelaki ke?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Jadi sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah pun menghantarkan satu surat protes kepada pihak pengurusan tertinggi media tersebut, dengan menjelaskan kedudukan dan status sebenar berkenaan dengan pertuduhan yang dibuat ke atas operasi kononnya tuduhan penyeludupan bahan batu daripada Negeri Johor ke Singapura tanpa apa-apa kelulusan. Sekian. (Dewan Bertepuk).

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak ada peribahasa? Ha'ah, dia selalu di TV3 ada peribahasa.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Peribahasa saya...

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, yalah, " Kerana Pulut Santan Binasa, Kerana Mulut Badan Binasa".

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor :** Terima kasih, Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, Ahli Yang Berhormat, terima kasihlah beri kerjasama dalam Perbahasan ini, rasa saya Dewan Negeri Johor yang terbaik daripada negeri-negeri lain, walaupun kita ada bertengkar, berusik tapi kita tetap baik eh, saya tengok daripada yang lain teruk betul eh. Tapi DUN Johor walaupun ada berbahas, biasalah kalau dalam Dewan Negeri tak ada berbahas itu bukan Dewan Negeri. Ahli Yang Berhormat, lepas ini dijemput ke makan tengah hari disediakan di tempat yang biasa. Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12:25 tengah hari.**



**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

**Penolong Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

**Kordinator**

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**

Puan Asiah binti Moklis

**Pembantu Penerbitan**

Cik Malina binti Mohd. Nasir

Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Tadbir (Mesyuarat)**

Puan Zainah binti Mansor

**Pembantu Tadbir Rendah**

Puan Hanita binti Mohamed

**Pembantu Am Rendah**

Encik Ahmad Amizan bin A. Samad

Encik Mohd. Hassan bin Jamian

Encik Norhayadi bin Hussien

Encik Muhammad Khirunizam bin Pahmi

**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**

Puan Saniah Kassim

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin

Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing  
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Lindawati binti Othman  
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi  
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Rumiah binti Semirono  
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Norliza binti Md. Aris  
Pejabat Menteri Besar Johor (Setiausaha Politik)

Puan Suriati binti Abdul Hajar  
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin  
Pejabat Menteri Besar Johor (Setiausaha Pembangunan)

Puan Dalilah binti Dahalan  
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

**Rakaman**

Encik Abdul Rahman bin Elias  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI  
JOHOR**

19 Mac 2010-03-19